# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 30 MEI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | KARTEL AYAM PENASIHAT KERAJAAN?, DALAM NEGERI, UM -9<br>HARGA TEPUNG GANDUM DIJANGKA NAIK, NASIONAL, HARAKAH -H8<br>BEKALAN TEPUNG GANDUM 'TENAT', NASIONAL, HARAKAH -H8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 4. | HARUMANIS D'AMAN TARIKAN BAHARU KEDAH, UTARA, HARAKAH -16 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 5. | TAMPUNG PERMINTAAN SUMBER PROTEIN NEGARA, KELANTAN, HARAKAH -H11 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 6. | STOK IKAN: ADA PEGAWAI KERAJAAN MENIPU, DALAM NEGERI, UM -10 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 7. | NAFAS TINGKATKAN KADAR PENGELUARAN BAJA, NEGERI KEDAH, SH -37 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAN (NAFAS) |
| 8.<br>9. | 20 TAHUN TANAM PADI HARAPKAN BEKALAN AIR HUJAN, DALAM NEGERI, UM -30<br>'KAMI GUNA AIR HUJAN UNTUK BUAT BENDANG', NEGARA, KOSMO -14 | PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br>26.<br>27.<br>28.<br>29.<br>30.<br>31.<br>32.<br>33.<br>34.<br>35.<br>36. | JANGAN SEMBRONO SOAL HALAL, HARAM - MUFTI KELANTAN, DALAM NEGERI, UM -9<br>SEMUA PIHAK PERLU BANTU MYCC SIASAT KARTEL AYAM, DALAM NEGERI, UM -9<br>TAK JAMIN HARGA MAKANAN TURUN SELEPAS INI, DALAM NEGERI, UM -10<br>'KAMI TIADA MASALAH HAPUS AP GANDUM', DALAM NEGERI, UM -10<br>1KAWAL PEMBORONG DAN PERUNCIT, NASIONAL, HARAKAH -H8<br>PROJEK TANAMAN KELAPA DI KAWASAN 200 EKAR, KELANTAN, HARAKAH -H12<br>JANGAN BERGANTUNG ORANG TENGAH, KARTEL PADI, UTARA, HARAKAH -16<br>LEMBU 'LARIS' WALAU HARGA KAYANGAN, NEGARA, KOSMO -3<br>DAGING KORBAN LONJAK RM1,000 SATU BAHAGIAN, MUKA DEPAN, KOSMO -1<br>LEMBU KORBAN CECAH RM7,000 SEEKOR, NEGARA, KOSMO -2<br>'KALAU TAK NAIK HARGA' KAMI JUGA YANG TANGGUNG RUGI', NEGARA, KOSMO -2<br>PENTERNAK, PEMBORONG, PERUNCIT AYAM DIKOMPAUN, NASIONAL, SH -29<br>ANGKASA BANTU ATASI MASALAH KEKURANGAN BEKALAN AYAM, NASIONAL, SH -29<br>HANYA DUA PENIAGA MASIH JUAL TELUR PENYU, DALAM NEGERI, UM -32<br>ELAK 'BOM JANGKA' INDUSTRI PENGELUARAN MAKANAN MELETUP, KOMENTAR, BH -11<br>PEMANSUHAN AP TIDAK TEPAT, NASIONAL, SH -5<br>DANIEL'S CORNER LAMBANG SAYANG ANAK, GAYA LELAKI, UM -24<br>'NAK JUMPA NEELOFA BELAJAR BERNIAGA', GAYA LELAKI, UM -25<br>PELAJAR UPM TURUN KE SAWAH BANTU PETANI, K2, KOSMO -29<br>KARTEL AYAM, MUKA DEPAN, HARAKAH -1<br>BANTERAS KARTEL AYAM - DR ROSNI, NASIONAL, HARAKAH -H2<br>PELBAGAI FAKTOR PENGARUHI KENAIKAN HARGA BARANG - AHLI AKADEMIK, NASIONAL, HARAKAH -H2<br>PENGELUARAN AYAM DI BAWAH SYARIKAT KAWALAN KERAJAAN, NASIONAL, HARAKAH -H3<br>ISU BELUM SELESAI, TEPUNG GANDUNM PULA HABIS, NASIONAL HARAKAH -H3<br>KALAU 'BELA HANTU RAYA', RAKYAT AKAN KEBULURAN, RENCANA, HARAKAH -H21<br>ORGANIC VEGETABLE RIPE FOR THE PLUCKING ON 1UTAMAS'S ROOFTOP, ENGLISH SECTION, HARAKAH -E26<br>EVEN THE TRADERS ARE COMPLAINING, NATION, THE STAR -6 | LAIN-LAIN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Kartel ayam penasihat kerajaan?

Oleh FAHMI FAIZ
fahmi.faiz@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Wakil kartel industri ayam didakwa terlibat dalam menasihati kerajaan mengenai selok-belok industri ternakan itu sehingga menimbulkan pelbagai persoalan mengenai kemungkinan kerjasama tersebut akan menggagalkan usaha memulihkan sektor penting makanan negara itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, tindakan sebegitu membuktikan kartel ayam masih berpengaruh dalam menentukan polisi berkaitan industri ayam.

"Saya kecewa wakil kartel ayam dilantik menganggotai Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang menasihati Menteri Pertanian dan Industri Makanan mengenai jaminan bekalan makanan.

"Tindakan ini sekali lagi membuktikan pengaruh kartel tersebut dalam strategi dan penggubalan dasar kerajaan sedia ada," katanya tanpa menamakan siapa kartel dimaksudkan.

Ditanya tentang asas kepada dakwaan itu, Mukhriz berkata: "Yang itu kena siasat sendiri. Isunya, pihak yang menghadapi masalah ialah penternak. Mana wakil mereka dalam MPPN?"

Untuk rekod, pada 25 Mei lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan satu mesyuarat khas bersama MPPN secara hibrid.

Dalam satu kenyataan, MAFI berkata, MPPN bertindak sebagai penasihat kepada Menteri MAFI bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan sekuriti makanan negara.

MPPN juga dinyatakan berperanan menyumbang pandangan serta cadangan yang sesuai bagi memacu hala tuju sektor agromakanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa.

*Utusan Malaysia* difahamkan, keahlian MPPN bagi sesi 2021/2022 terdiri daripada 15 ahli merangkumi wakil pemain gergasi industri ayam, pakar ekonomi serta ahli akademik.

Mengulas lanjut, Mukhriz berkata, kerajaan perlu serius dan segera menubuhkan sebuah lembaga khas untuk mengawal selia industri ayam dan unggas bagi membebaskan cengkaman pihak swasta yang menguasai sektor penting makanan.

"Saya lihat pendekatan yang diguna pakai kerajaan kini lebih memihak kepada kartel, pengeluar anak ayam dan makanan ayam.

"Penternak dan peniaga, dan seterusnya pengguna sentiasa tertekan dengan kenaikan kos yang tidak munasabah yang menyebabkan keuntungan menyusut, dan bekalan yang tidak mencukupi," kata beliau.

Mukhriz kemudian berkata, kerajaan perlu segera menubuhkan sebuah lembaga unggas yang diberi kuasa untuk menyelesaikan isu bekalan ayam.



KERAJAAN dicadangkan menubuhkan lembaga unggas dengan diberi kuasa bagi menyekat monopoli kartel dalam industri ayam, sekaligus memastikan bekalan sentiasa cukup dalam pasaran. - UTUSAN/ AMIR KHALID

# Jangan sembrono soal halal, haram – Mufti Kelantan

**PETALING JAYA:** Umat Islam khususnya pihak berkuasa agama tidak boleh mengambil mudah soal halal dan haram apatah lagi sumber makanan yang bersumberkan rujukan al-Quran serta hadis sebagai panduan kehidupan bersyariat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata, justeru haiwan ternakan yang disembelih wajib dipastikan mengikut hukum syarak dan bukannya sembrono dalam soal halal haram sehingga menjadi sumber makanan umat Islam.

Beliau berkata, haiwan ternakan yang disembelih perlu dipastikan mengikut hukum syarak dan bukannya mematikannya terlebih dahulu sebelum disembelih.

"Kalau benar dakwaan itu bahawa haiwan dilemaskan sebelum disembelih, maka hukumnya haram. Perkara ini perlu berdasarkan keadaan akhir dialami haiwan tersebut, sama ada lemas atau hidup. Jika disembelih masih hidup, hukum halal.

"Hukum halal dan haram ini adalah soal antara manusia dengan Allah, tetapi sebagai ulama dan pihak berautoriti perlulah dipastikan segala sembelihan mengikut hukum syarak. Soal halal haram bukan sahaja makanan malah aspek lain yang menyentuh aspek kehidupan seharian," katanya.

Kelmarin, Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SICHMA) mengesahkan rumah sembelihan Thomas Food Industries (TFI) di Australia melanggar protokol halal dalam proses penyembelihan seperti didedahkan *Utusan Malaysia*.




SICHMA selaku badan pensijilan halal yang bertanggungjawab dalam penyeliaan halal ke atas loji sembelihan mengesahkan perkara itu selepas badan tersebut menjalankan audit mengejut ke atas TFI pada 23 Mei lalu.

TFI turut membekalkan daging kambing ke Malaysia.

Dalam pada itu, Mohamad Shukri menggesa umat Islam yang ragu-ragu terhadap status daging tersebut agar tidak memakannya dengan mengambil kira hukum syubhah sehingga dipastikan bahan itu halal atau sebaliknya.

# Semua pihak perlu bantu MYCC siasat kartel ayam

**PETALING JAYA:** Semua pihak perlu membantu siasatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi membongkarkan modus operandi kartel ayam seterusnya mengheret mereka ke muka pengadilan.

Sumber yang terlibat membantu siasatan MYCC berkata, pihaknya telah menyerahkan pelbagai bahan bukti bagi membantu melengkapkan siasatan tersebut.

"Kita bekerjasama dengan MYCC dalam usaha mendedahkan kegiatan kartel ini.

"Kita sudah serahkan dokumen kepada pihak mereka termasuk penyata integrator, invois dan notis daripada kartel yang menyatakan harga anak ayam, makanan dedak dan sebagainya.

"MYCC beri jaminan mereka akan siasat, dan sudah menjalankan siasatan secara terperinci. Malah, mereka sudah panggil wakil-wakil gergasi industri ayam untuk bantu siasatan," kata sumber kepada *Utusan Malaysia*.

Sumber mendakwa, pihak kartel setakat ini tidak memberikan kerjasama kepada MYCC, sebaliknya menghantar ejen untuk mendapatkan maklumat tentang gerak kerja siasatan bagi memintas proses siasatan tersebut.

"Saya ada terbaca, ada antara kartel itu bekerjasama. Tapi saya tak rasa mereka itu bekerjasama. Yang saya dengar ada satu sumber beritahu bahawa kartel-kartel ini tak mahu bekerjasama. Ini cerita dulu, sewaktu *Utusan Malaysia* mula-mula dedahkan pasal kartel ayam.

"Sumber itu beritahu saya, masa awal siasatan itu kononnya mereka (kartel) datang untuk bekerjasama. Tapi kemudian bila mereka tahu pergerakan MYCC, mereka terus hilang," dakwa sumber.

Pada 23 Mei, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan menyedari mengenai laporan kewujudan kartel dalam industri ternakan ayam negara, dan siasatan serta tindakan susulan akan diambil.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

# Stok ikan: Ada pegawai kerajaan menipu

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Terdapat segelintir pegawai kerajaan didakwa tidak memberi maklumat tepat selain memberi banyak alasan mengenai industri ikan negara, sekali gus mengancam stok sumber protein negara itu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, beliau mendapati terdapat beberapa pegawai yang menipu dan memberi maklumat salah tentang sektor perikanan.

Malah menurut beliau, karenah birokrasi dalam agensi tersebut juga menyumbang kepada krisis bekalan ikan sejuk beku negara, apabila tidak mengoptimumkan penggunaan tempat simpanan sejuk beku.

"Isu keselamatan makanan ini kritikal, namun tidak diambil serius. Sebab itu saya buat pendedahan. Ada pegawai ini menipu saja. Mereka bagi maklumat salah. Misalnya ikan tiada dalam simpanan, mereka kata ada dalam simpanan.

"Sebab setiap tahun ada berlaku kekurangan ikan di pasaran, kerana ada musim tengkujuh maka berlakulah kekurangan ikan di pasaran. Jadi, cara penyelesaian melalui *back up* dengan ikan sejuk beku.

"Jadi, saya minta supaya LKIM untuk melaksanakan penyimpanan ikan sejuk beku. Kita ada prosedur perolehan dan sebagainya. Namun sehingga hari ini belum dilaksanakan. Bila masih lagi berlaku kekurangan ikan di pasaran, saya sedihlah. Sebab cadangan dah ada, malah bilik sejuk sedia ada pun kita boleh guna untuk simpan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.



SYED Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mendakwa terdapat segelintir pegawai kerajaan memberi maklumat salah mengenai industri ikan dan perbuatan itu mengancam kepada stok ikan dalam negara.

Menjelaskan lanjut beliau mendedahkan, LKIM mempunyai dua bilik sejuk untuk simpanan ikan dalam kapasiti besar, namun tidak digunakan susulan karenah birokrasi.

"LKIM juga ada dua buah kilang untuk membekukan ikan. (Namun) kilang itu pun tak berjalan. Kenapa tak berjalan? Sebab ia tak dioperasikan. Kilang ini di Kuala Besut dan Kuala Kedah," katanya.

Semalam, *Mingguan Malaysia* menyiarkan laporan yang memetik Syed Abu Hassan sebagai berkata, masalah birokrasi dalaman didakwa menyebabkan tempat simpanan ikan sejuk beku LKIM terbiar kosong dan gagal memainkan fungsinya sebagai stok penyimpanan sumber protein negara.

# 'Kami tiada masalah hapus AP gandum'

**PETALING JAYA:** Pemegang lesen import (AP) gandum tidak akan terjejas dengan keputusan kerajaan menghapuskan lesen tersebut yang sekali gus membuka ruang kepada lebih banyak pihak membawa masuk tepung itu ke negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pegawai Eksekutif Global Ikhwan Holding Sdn. Bhd., Datuk Lokman Hakim Pfordten selaku pemegang AP gandum berkata, langkah tersebut juga dapat mengelakkan masalah kekurangan bahan makanan dan menyebabkan kenaikan kos sara hidup.

"Bagi kami tiada masalah dengan keputusan kerajaan ini. Kami sudah ada rangkaian dan pengguna sendiri untuk perniagaan, malah niat kami adalah membantu masyarakat agar mendapatkan barangan keperluan masing-masing," katanya.

Kabinet sebelum ini bersetuju agar AP gandum turut dibatalkan susulan pemansuhan AP bahan makanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tujuan kerajaan menghapuskan AP bahan makanan adalah bagi membolehkan semua pihak dapat mengimport bahan asas makanan ke negara ini tanpa dimonopoli kartel yang akhirnya memanipulasi harga.

Dalam pada itu, Lokman Hakim menambah, isu global dan masalah iklim menuntut semua pihak untuk menjaga soal keselamatan makanan supaya ia tidak membelenggu rakyat sehingga tiada bekalan makanan.

Justeru, beliau melihat langkah kerajaan itu sebagai satu perkara positif agar lebih banyak pemain terlibat sama mengimport gandum.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Abdul Halim Husin berkata, gandum dibawa ke Malaysia berkualiti rendah sekali gus terpaksa dicampurkan bahan-bahan tertentu untuk menjadikannya selamat dimakan.

Menurut beliau, langkah menghapuskan AP dapat memberi lebih banyak ruang kepada pihak lain untuk membawa masuk bahan makanan termasuk gandum yang berkualiti untuk kegunaan pengguna.

Bagaimanapun, jelasnya, keputusan tersebut tidak bermakna kartel akan terus mati, sebaliknya sekadar memberikan peringatan agar tidak sewenang-wenangnya menguasai industri sehingga membebankan rakyat.

"Kita harap kerajaan tidak mengenakan peraturan baharu sehingga menyukarkan membawa masuk barang tersebut membabitkan kalangan pengusaha baharu," katanya.

# Tak jamin harga makanan turun selepas ini

**PETALING JAYA:** Langkah menghapuskan permit import (AP) bahan makanan tidak mampu mengatasi masalah kenaikan harga walaupun ramai berpandangan keputusan diambil bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar ekonomi, Dr. Nungsari Ahmad Radhi berkata, tidak dinafikan AP patut dihapuskan, sebaliknya kenaikan harga buat masa sekarang disebabkan kekurangan bekalan akibat harga kawalan yang lebih rendah daripada kos.

Menurut beliau, pengeluar kini mengalami kerugian kerana harga dikawal rendah daripada kos dan menyebabkan mereka tidak mahu menternak sehingga berlakunya kekurangan penawaran.

"Jadi untuk mengawal harga supaya tidak melambung pada masa sama kos juga tinggi, kerajaan perlu memberi subsidi kepada pengeluar. Jika tidak, akan ada masalah.

"Hal ini kerana salah satu penyumbang kekurangan bekalan adalah harga kawalan yang lebih rendah daripada kos," katanya ketika dihubungi semalam.

Malah Nungsari menjelaskan, langkah menghapuskan AP tidak semestinya mengurangkan harga jika kenaikan harga di peringkat global seperti yang berlaku sekarang meskipun usaha kerajaan itu ingin membuka ruang import dan membolehkan semua barangan dibawa masuk.

Katanya, penghapusan AP tidak bermakna semuanya boleh masuk apabila perlu ada pemeriksaan bagi memastikan barangan dibawa memenuhi piawaian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | NASIONAL | H8 |

# Harga tepung gandum dijangka naik

Oleh **NORHANA MAT ZIN**

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, harga gandum dijangka akan meningkat ekoran isu bekalan tepung gandum melanda dunia.

Beliau berkata, sebenarnya ia berpunca dari negara India yang mengisytiharkan gandumnya tidak akan dieksport ke luar negara.

Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan India akan menggunakan gandumnya untuk stok di dalam negara mereka sahaja.

Katanya, disebabkan negara India merupakan antara negara terbesar mengeluarkan gandum maka ia akan memberikan kesan agak besar kepada dunia.

Beliau beranggapan seolah-olah ada satu permainan di peringkat antarabangsa apabila negara India membuat keputusan secara mengejut untuk tidak mengeskpot gandum ke Malaysia.

"Saya beranggapan gandum yang bermasalah di India dan negara itu tidak sepatutnya mengisytiharkan menghentikan mengekspot gandum secara mendadak begitu.

"Kita faham bahawasanya, ramai dalam kalangan rakyat negara kita yang makan gandum seperti roti canai, roti tempayan dan pelbagai lagi kuih muih berasaskan gandum.

"Sepatutnya, negara India bagi tempoh. Sebagai contoh, selepas 3 hingga 6 bulan akan datang ini, negara India tidak akan mengeksport gandumnya ke luar negara," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melihat perkara itu dan akan mengambil tindakan yang sepatutnya untuk kepentingan rakyat di dalam negara.

"Kita akan memikirkan cara dan teknik yang terbaik supaya isu gandum ini tidak mengancam sekuriti makanan di dalam negara kita.

"Bagi negara-negara yang menghadapi masalah terputus bekalan tepung gandum boleh bersedia ataupun berbincang langkah yang boleh dilakukan.

"Sama ada penanaman gandum akan dibuat di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Mesir atau negara-negara yang cuacanya sesuai dengan penanaman gandum," katanya.

Beliau berharap negara-negara pengeluar gandum dan mengeksport ke luar negara sentiasa berperanan sebagai negara yang mengeksport bekalan gandum.

"Saya berharap rakyat bersabar dalam isu ini. Insya-Allah, semoga isu gandum ini tidak berpanjangan," katanya.



**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh**




**Tepung gandum cap sauh RM3.40.**

# Bekalan tepung gandum 'tenat'

Oleh **EVA NATASHA SADALI**

**KUALA LUMPUR:** Selepas beberapa barangan keperluan asas mengalami kenaikan harga sejak kebelakangan ini, kini tepung gandum turut mengikut trend peningkatan harga sejak beberapa minggu lalu.

Tinjauan *Harakah* di beberapa pasar raya dan kedai runcit di Taman Koperasi Polis, di sini, pada Jumaat mendapati harga tepung tidak bersubsidi meningkat sebanyak 30 hingga 70 sen sekilogram.

Seorang pekerja sebuah pasar mini, Siti Hanis berkata, kenaikan harga makanan asas itu mula dikesan sejak bulan Ramadan lalu.

Lebih merisaukan, dia turut dimaklumkan oleh pembekalnya bahawa harga barangan tersebut dijangka akan terus meningkat dalam masa terdekat.

"Buat masa ini, bekalan tepung gandum dah tak banyak, dekat stor kami pun ada beberapa katon sahaja yang tinggal, kalau ada pelanggan nak beli borong kami tak benarkan.

"Tepung gandum cap sauh ini dijual dengan harga RM3 sekilogram, setakat ini saya rasa, sini sahaja yang jual paling murah, mana-mana kedai runcit RM3 ke atas," katanya kepada *Harakah* pada Jumaat.

Pengusaha kedai runcit di sini, Mutusamy, 58 berkata, jika sebelum ini di kedainya menjual empat jenis tepung gandum tetapi kini hanya menjual sejenis sahaja akibat kesukaran mendapatkan bekalan keperluan asas tersebut.

"Stok sekarang tak banyak, susah nak dapat, kita benarkan pelanggan beli dua paket sahaja.

"Kalau dulu kita ada simpan stok sampai 20 kotak tapi sekarang cuma dua kotak sahaja dapat," katanya yang berniaga di sini sejak tahun 2010.

Ahmad, 35, pekerja kedai runcit di sini, berkata kedainya kehabisan bekalan tepung gandum sejak semalam.

"Memang ramai pelanggan yang datang tanya stok tepung gandum, ada yang nak buat roti guna tepung jenama Bakers' Choice tapi jenama Cap Sauh pun kita dah tak ada stok.

"Bos cakap susah nak dapatkan tepung gandum sekarang, buat masa ini kita jual sahaja tepung yang ada macam tepung jagung, tepung beras dan tepung ubi kayu," jelasnya.

Pengusaha kedai runcit yang hanya mahu dikenali sebagai Ah Ching, berkata beliau terpaksa menaikkan harga 20 sen bagi setiap paket tepung gandum Cap Sauh berikutan kenaikan harga kos daripada pembekal.

"Kita ada jual borong tapi harga masih sama, sebab kita pun tak untung banyak, barang datang daripada pembekal pun dah mahal sekarang.

"Stok kita pun tak banyak, apa yang ada kita jual semuanya, kita tak ada simpan-simpan stok," ujar wanita yang berumur hampir setengah abad itu.

Abdul Kader, 60, pengusaha kedai runcit mengakui turut terkesan dengan kenaikan harga tepung gandum sejak beberapa minggu lalu.

Beliau memaklumkan, tepung gandum Faizah di kedainya masih di jual pada harga lama iaitu RM3.70.

"Harga sekarang dah naik lagi 20 sen, saya tak naikkan sebab barang lama.

"Tepung gandum Cap Sauh langsung tak dapat, mana-mana pun tak ada, Cap Sauh banyak naik harga sekarang sampai RM3.70, dah sama harga dengan Faizah, tapi yang ni (Faizah) sekilo, yang tu (Cap Sauh, Cap Ros) 800 gram," katanya.

# Kawal pemborong dan peruncit

**KUALA LUMPUR:** Kawalan perlu dibuat bagi menghalang tindakan pemborong dan peruncit yang menjual tepung gandum serta ayam kepada pengguna industri dan bukan kepada pengguna awam.

Menurut Setiausaha Sidang Assabiqun Se Malaysia, Mohamad Noor Mohamad, apabila berlaku kekurangan bekalan, kemungkinan boleh menyebabkan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga tepung gandum dan ayam.

Katanya, sudah tentu pengguna dalam kalangan orang awam akan menanggung risikonya.

Beliau berkata, bekalan ayam segar dan tepung gandum yang terhad di pasaran kini telah membelenggu rakyat Malaysia terutamanya kepada penjual dan pengguna.

Justeru, kata beliau, pihak kerajaan perlu menambah pengeluar tepung serta pembekal ayam bagi mengatasi masalah monopoli oleh syarikat pengeluar dan pembekal yang sedia ada.

Katanya, mekanisma penghantaran bekalan ke negeri-negeri terutama Sabah dan Sarawak perlu diadakan dan dikawal supaya bekalan boleh sampai tepat pada masanya dan tidak timbul masalah kekurangan bekalan.

"Saya berharap pihak kerajaan kena memastikan kilang memproses perlu ada stok yang mencukupi bagi menampung bekalan sekiranya kilang-kilang tidak boleh beroperasi jika ada masalah teknikal," katanya.



**Mohamad Noor Mohamad**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | KELANTAN | H11 |

# Tampung permintaan sumber protein negara


Menteri Besar turut mempromosi ikan air tawar.

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**
Foto **RIZAL TAHIR**

**KOTA BHARU:** Kelantan berusaha meningkatkan lagi pengeluaran ikan air tawar bagi menampung permintaan sumber protein di negara ini.

Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata, peruntukan sebanyak RM1 juta diagih melalui Jabatan Perikanan Negeri untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan sektor perikanan air tawar.

Katanya, program tersebut mengutamakan peningkatan pengeluaran hasil dan kualiti penternakan akuakultur.

"Jabatan Perikanan menyalurkan pelbagai bantuan termasuk bantuan bencana bagi membantu mengurangkan kos operasi yang ditanggung penternak," katanya selepas merasmikan program Jelajah Perikanan 'Jom Makan Ikan Air Tawar' di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV pada Khamis.

Hadir sama anggota Exco Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Mohd Mohtar Mahamud.

Pada majlis itu seramai 29 penternak menerima bantuan input ternakan dan peralatan akuakultur serta bantuan perolehan sistem ternakan dan input ternakan kepada peserta Zon Industri Akuakultur di Danau Tok Uban.

Ahmad juga berkata, terdapat seramai 1,100 penternak di Danau Tok Uban, di mana 70 peratus daripadanya masih aktif.

"Saya yakin potensi ikan air tawar cukup besar untuk menjana ekonomi rakyat dan penyumbang bekalan makanan negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | KELANTAN | H12 |

# Projek tanaman kelapa di kawasan 200 ekar

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

**KOTA BHARU:** Kawasan seluas 100 sehingga 200 ekar dikenal pasti bagi melaksanakan projek tanaman kelapa dalam skala besar di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, dalam tempoh 10 tahun akan datang bekalan kelapa tempatan dapat memenuhi permintaan pengguna.

"Insya-Allah saya yakin dalam masa 10 tahun lagi kita tidak bergantung lagi kepada bekalan kelapa luar," katanya ketika ditemui selepas pelancaran kempen 'Taney Nyor' al Falah peringkat Dun Kadok di Dewan Dato' Kadok baru-baru ini.

Hadir sama Adun Kadok Dato' Sr Azami Mohd Noor, penghulu dan pemimpin tempatan.

Tuan Saripudin juga berkata, kempen tanam kelapa melibatkan 13 Dewan Undangan Negeri (Dun) disertai seramai 100 peserta bagi setiap Dun.

Menurutnya setiap peserta menerima sumbangan lima benih kelapa dan bantuan baja daripada kerajaan negeri.

"Mereka menerima dua kelapa matag dan tiga kelapa Malay Yellow Dwarft (MYD) kerana variasi terbabit dilihat cepat membesar di mana tempoh dua tahun sudah mengeluarkan buah dan pokok tidak tinggi," ujarnya.

Kata beliau juga sebanyak RM300,000 diperuntukan bagi menyediakan anak pokok kelapa dan bantuan baja bagi membantu penduduk meningkatkan pendapatan.

Katanya, kerajaan negeri menaruh harapan tinggi bagi memastikan perancangan Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan tercapai.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyampaikan benih kelapa kepada penduduk.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | UTARA | 16 |

# 'Jangan bergantung orang tengah, kartel padi'

**ALOR SETAR:** Pesawah perlu bertindak menguruskan sendiri penjualan padi ke kilang-kilang tanpa mengharap atau bergantung kepada orang tengah atau kartel padi semata-mata.

Demikian gesaan Exco Pertanian, Industri Makanan, Pengangkutan, Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Hal Ehwal Masyarakat India, Azman Nashruddin melalui kenyataannya kepada *Harakah*, Khamis lalu.

Berikutan itu beliau menggalakkan para petani menyertai Program Smart Sawah Bersekala Besar (Smart SBB) untuk memutuskan rangkaian kartel padi yang merugikan mereka.



Azman Nashruddin

"Kartel ini memang wujud sejak sekian lama akibat pergantungan pesawah kepada orang tengah. Mereka menjadi agen kilang padi.

"Selain itu para pesawah terikat dengan wang pendahuluan yang mereka dapat dari orang tengah ini sehingga menyerahkan sepenuhnya urusan penjualan padi di kilang kepada kartel padi ini," jelas beliau lagi.

Kata Azman Smart SBB merupakan satu konsep penglibatan pihak swasta bersama pengusaha atau pemilik sawah dalam rantaian nilai industri padi untuk memutuskan rangkaian kartel terbabit.

Menurutnya lagi, secara purata pengeluaran padi di Kedah khususnya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) antara lima hingga enam tan satu hektar dan boleh mencapai sehingga lapan ke sembilan tan sehektar kepada pengusaha berskala besar.

"Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) salah satu syarikat peneraju yang menyertai program Smart SBB dan sehingga kini berjaya mencapai pengeluarannya sehingga 7.8 tan sehektar," tambah beliau.

# Harumanis D' Aman tarikan baharu Kedah

**JERAI:** Harumanis D' Aman bakal menjadi tarikan baharu di Kedah berikutan kelazatan dan kualitinya yang terbaik.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, D' Aman akan dikomersialkan dan sekaligus mengangkat industri mangga harumanis mencapai satu tahap penjenamaan sebagaimana yang telah berjaya dicapai oleh Perlis.

"Penjenamaan semula Harumanis di Kedah tidak dibenarkan diletakkan nama-nama negeri. Jadi kita namakan Harumanis D' Aman.

"Saya mengharapkan ia akan melonjak naik kerana kualiti dan kelazatannya amat terbaik," jelas beliau pada sidang media di Pusat Teknologi Mempelam, Sala Kanan, Kota Sarang Semut, Khamis lalu.



Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, menanam pokok mempelam Harumanis sebagai gimik perasmian penjenamaan Harumanis Kedah di Pusat Teknologi Mempelam, Sala Kanan, Yan, Khamis lalu.

Ujar beliau, untuk permulaan Harumanis D' Aman ini diusahakan di tanah seluas 90 hektar melibatkan dua daerah (Padang Terap dan Kubang Pasu) dengan tenaga kerja seramai 213 orang dan sasaran pengeluaran 65 metrik tan sehingga akhir 2022 ini.

Mengulas lanjut, Sanusi mengharapkan Jabatan Pertanian Negeri meneruskan lagi penyelidikan, peningkatan teknologi selain amalan dan sikap para petani perlu sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/5/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI | 37 |



# Nafas tingkatkan kadar pengeluaran baja

**ALOR SETAR** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengambil langkah meningkatkan kadar pengeluaran baja dengan keupayaan pemprosesan di kilang sebanyak 1,000 tan metrik sehari susulan isu kelewatan pembekalan Bantuan Baja Padi Kerajaan Persekutuan bagi musim 01/2022.

Menurut kenyataan Nafas pada Jumaat, pengedaran ke kawasan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) turut digandakan bagi membolehkan petani mendapatkan bekalan baja untuk memenuhi keperluan mereka.

Kenyataan itu menjelaskan, Nafas akan terus mengutamakan keperluan kawasan yang kritikal dan terjejas dengan memastikan setiap pembekalan mencukupi mengikut keperluan sebenar pembajaan.

"Kelewatan ini adalah disebabkan isu kenaikan mendadak luar jangka bagi harga bahan mentah sehingga 100 peratus yang menyebabkan pembekal bahan mentah menghentikan bekalan," jelasnya.

Masalah kelewatan itu turut berkait dengan perang di antara Rusia dan Ukraine yang telah mengakibatkan sekatan kepada pembekalan.

"Antara bahan mentah atau baja yang terjejas untuk tempoh tersebut ialah urea, diammonium phosphate (DAP), mono ammonium phosphate (MAP), muriate of postash (MoP)," katanya.

Tambah kenyataan itu, Nafas telah mengambil langkah dengan membuat pembelian bahan mentah dengan kadar segera bagi menangani permasalah berkenaan.

"Bagi musim 02/2022 dan akan datang, Nafas akan membuat persediaan awal dan lebih rapi bagi memastikan stok keperluan baja untuk setiap petani adalah mencukupi dan tiada kelewatan.

"Ini bagi memastikan industri padi negara tidak terjejas dan terus membangun," jelas kenyatan itu.

Pada 22 Mei lalu, *Sinar Harian* melaporkan, Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar menggesa kerajaan menyelesaikan segera isu kelewatan baja untuk kegunaan sawah padi yang menggusarkan petani di Kedah.

Mahfuz berkata, ramai petani mendakwa belum menerima bekalan baja yang dikhuatiri mengganggu tumbesaran anak padi mereka.




Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar (depan, tengah) bersama petani melihat hasil tanaman padi berhampiran Dangau Semangat Padi, Kampung Padang, mukim Hutan Kampung, di sini, pada Sabtu.

**Laporan *Sinar Harian* pada 22 Mei lalu.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |



ALIAS Mat Rani menunjukkan kawasan sawah yang memerlukan bekalan air di bendang Peraksi, di Pasir Puteh, semalam. - UTUSAN/ TOREK SULONG

# 20 tahun tanam padi harapkan bekalan air hujan

**PASIR PUTEH:** Kira-kira 30 penanam padi di bendang Peraksi dan bendang Chalok, di sini terpaksa menggunakan enjin pam untuk mendapatkan sumber air ke sawah sebagai persediaan awal penanam padi musim ini.

Mereka sebelum ini hanya mengharapkan hujan setiap kali musim penanaman sejak lebih 20 tahun lalu.

Wakil penanam padi di kawasan itu, Alias Mat Rani berkata, petani yang berkemampuan mengeluarkan perbelanjaan mendapatkan enjin pam air selain menanggung kos bahan api dan kelengkapan lain yang diperlukan untuk mengalirkan air dari parit.

Menurutnya, kawasan bendang seluas 118 hektar itu tidak mempunyai kemudahan saliran dan tali air sebagaimana bendang lain di daerah ini.

"Petani yang tidak berkemampuan hanya mengharapkan takdir jika ada hujan.

"Petani di sini kebanyakannya menanam padi varieti Putra, IS21 dan MR927 memerlukan infrastruktur pertanian sesuai dengan teknologi pertanian terkini," katanya ketika ditemui di bendang Peraksi di sini semalam.

Alias berkata, pihak berkenaan khususnya Pejabat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak meneliti keperluan petani yang mengusahakan penanaman padi dua musim setahun.

Seorang lagi penanam padi, Mansor Awang Teh,59, berkata petani terbabit sentiasa mengadakan solat hajat sebelum menabur benih dengan harapan mendapat cuaca yang baik untuk tempoh 120 hari.

"Saya hanya mengharapkan bekalan air hujan dan berserah kepada takdir kerana tidak mampu membeli enjin pam yang mahal,"ujarnya.

Katanya, tempoh penanaman padi musim ini agak lewat kerana kebanyakan bendang masih kering kontang di sebabkan kemarau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 14 |



ALIAS menunjukkan keadaan sawah di bendang Peraksi, Pasir Puteh yang kering kontang akibat kemarau.

## Pesawah pening kepala setiap kali musim kemarau

# 'Kami guna air hujan untuk buat bendang'

**Oleh TOREK SULONG**

**PASIR PUTEH** – Kira-kira 30 pesawah yang mengusahakan kawasan bendang di Peraksi dan Chalok di sini terpaksa menggunakan kaedah lama iaitu bergantung kepada air tadahan hujan untuk mengusahakan tanaman mereka sejak 20 tahun lalu.

Bagaimanapun, bagi yang berkemampuan, kaedah enjin pam untuk mendapatkan sumber air ke sawah antara yang diusahakan bagi memastikan bendang mereka subur terutama pada musim kemarau.

Seorang pesawah, Alias Mat Rani berkata, kaedah enjin pam memerlukan mereka mengeluarkan perbelanjaan lebih termasuk untuk membeli petrol bagi menarik air dari kawasan parit berhampiran.

Hal ini kerana katanya, kawasan bendang seluas 118 hektar itu tidak mempunyai kemudahan saliran dan tali air seperti bendang lain di daerah ini, ditambah pula dengan cuaca kemarau ketika ini.

"Bagi petani yang berkemampuan, mereka menggunakan kaedah itu (pam enjin) untuk tanaman musim ini. Bagaimanapun, ramai lagi yang tidak mampu dan terus mengharapkan takdir agar hujan bagi memenuhi keperluan tanaman.

"Kebanyakan pesawah di sini menanam padi varieti Putra, IS21 dan MR927 yang sepatutnya memerlukan infrastruktur pertanian sesuai dengan teknologi terkini," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di bendang Peraksi di sini semalam.

Mengulas lanjut, Alias berkata, Pejabat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak perlu meneliti keperluan golongan petani yang mengusahakan tanaman padi sebanyak dua musim dalam tempoh setahun.

Seorang lagi pesawah, Mansor Awang Teh, 59, berkata, petani di kawasan itu sentiasa mengadakan solat hajat sebelum menabur benih agar hujan bagi memenuhi keperluan tanaman padi untuk tempoh 120 hari.

"Saya hanya mengharapkan bekalan air hujan dan berserah kepada takdir kerana tidak mampu membeli enjin pam yang mahal," ujarnya.

Katanya, tempoh penanaman padi musim ini agak lewat kerana kebanyakan bendang masih kering kontang disebabkan musim kemarau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 3 |

Orang ramai tak kisah berbelanja lebih, tetap mahu lunaskan niat tertangguh dua tahun

# Lembu 'laris' walau harga kayangan

**Oleh HARIS FADILAH AHMAD, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF dan NUR ALINA HASSAN**

**PETALING JAYA** – Biarpun harga lembu korban mencecah antara RM5,000 hingga RM7,000 seekor, namun ia tidak menjejaskan permintaan terhadap haiwan ternakan berkenaan sempena Hari Raya Aidiladha bulan depan.

Kenaikan harga itu dikatakan tidak menjadi penghalang malah rata-ratanya bersedia untuk mengeluarkan belanja lebih sehingga RM1,000 satu bahagian.

Bagi mereka, semuanya kerana mahu melunaskan hajat yang tertangguh sejak dua tahun lalu.

Di **Muar**, seorang warga emas, Noriah Kassim, 65, memberitahu, dia dan keluarga telah lama merancang untuk melaksanakan ibadah korban dan kenaikan harga tidak menghalang mereka untuk meneruskan niat itu.

"Keputusan ini (laksana korban) merupakan perbincangan bersama anak dan menantu saya. Kami dah sepakat nak buat korban dua ekor lembu melibatkan 14 orang termasuk suami dan lima anak serta menantu.

"Anak-anak bercadang mahu membuat korban sebab mereka nak manfaatkan kesempatan masa yang ada memandangkan mereka semua belum menyempurnakan ibadah itu," katanya kepada *Kosmo!* di sini.

Menurutnya, kenaikan harga lembu telah dimaklumkan beberapa bulan lalu, namun keluarga Noriah sepakat untuk meneruskan hasrat berkenaan.

"Mak Cik tahu naik harga dalam RM500 hingga RM1,000 bagi seekor lembu, tapi kami buat jugalah sebab kalau tangguh, tahun akan datang makin naik harga lagi.

"Kalau tak buat rasa rugi jadi kami teruskan juga sementara ada masa dan umur," luahnya.



**MOHD. SAIFUL sedang memantau lembu ternakannya yang telah ditempah untuk ibadah korban di Kampung Tok Jiring, Kuala Nerus.**



**HARGA satu bahagian lembu korban yang dijual sehingga RM1,000 tidak menghalang orang ramai melaksanakan ibadah berkenaan.**

Berkongsi pandangan sama di **Jerantut**, seorang penduduk Felda Tekam Utara, Anuar Rahman, 59, berkata, dia dan rakan-rakannya sanggup membayar dengan harga yang tinggi walaupun mencecah lebih RM1,000 satu bahagian.

Katanya, dia sedang mencari lembu untuk dibuat korban.

"Penduduk yang tidak berkesempatan mengadakan majlis korban sejak dua tahun lalu berikutan pandemik Covid-19 sanggup berbelanja lebih untuk mengisi slot korban termasuk akikah pada kali ini.

"Kali ini satu bahagian korban boleh mencecah lebih RM500 dan di sesetengah tempat penduduk sanggup berbelanja hingga RM1,000 susulan permintaan yang tinggi menyebabkan kenaikan harga ternakan," ujarnya.

Menurutnya meskipun kebiasaan harga minimum satu bahagian lembu sekitar RM400, namun dia menjangkakan kenaikan pada saat-saat akhir menjelang Aidiladha.

Malah katanya, harga berkenaan boleh berubah apabila lembu terpaksa dibeli daripada penternak luar.

Sementara itu di **Kuala Nerus**, rata-rata penternak ditemui memberitahu, permintaan terhadap lembu korban dijangka terus meningkat menjelang akhir bulan depan.

Salah seorang penternak, Mohd. Saiful Hafiz Alias, 42, berkata, setakat ini, dia telah menerima tempahan sebanyak 120 ekor lembu bagi ibadah korban sejak bulan lalu.

Menurutnya, berdasarkan trend semasa ini, dia menjangkakan dapat menjual 200 ekor lembu korban musim ini.

Katanya, kebanyakan tempahan untuk lembu korban diterima daripada pengurusan masjid dan orang perseorangan dari seluruh Terengganu.

"Peningkatan tersebut didorong faktor negara yang kini berada pada fasa peralihan ke endemik.

"Dua tahun lepas, banyak kekangan, namun ini prosedur operasi standard (SOP) ibadah korban dijangka dilonggarkan.

"Bagaimanapun katanya, kenaikan ini disebabkan penternak ambil kesempatan tetapi memang harga lembu korban terpaksa dinaikkan tahun ini atas pelbagai faktor," katanya ketika ditemui di kandang lembunya di Kampung Tok Jiring di sini baru-baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | KOSMO | MUKA DEPAN | 1 |




# Daging korban lonjak RM1,000 satu bahagian

**Orang ramai tidak berkira soal kos asalkan dapat laksanakan ibadah**

UMAT Islam yang ingin melaksanakan ibadah korban pada tahun ini perlu membayar antara RM850 hingga RM1,000 bagi satu bahagian daging lembu susulan peningkatan mendadak harga ternakan itu di pasaran tempatan sejak kebelakangan ini.

Berdasarkan tinjauan *Kosmo!*, rata-rata harga lembu yang dijual oleh penternak mengalami kenaikan kepada sekitar RM5,500 hingga RM7,000 seekor bergantung kepada saiz haiwan berkenaan.

"Dahulunya, harga paling tinggi bagi satu bahagian hanya RM450 hingga RM700, tetapi kini boleh mencecah RM1,000. Bagaimanapun, ramai yang telah membuat tempahan kerana mereka sebelum ini tidak berpeluang untuk melaksanakan ibadah itu akibat penularan Covid-19," kata seorang penternak, Awang Mohd, 45, dari Kampung Tepoh, Kuala Nerus, Terengganu.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2 & 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 2 |

Penternak terpaksa naikkan harga ekoran permintaan tinggi, tampung kos operasi

# Lembu korban cecah RM7,000 seekor

**PETALING JAYA** – Umat Islam yang berhajat untuk melaksanakan ibadah korban pada tahun ini mungkin perlu berbelanja lebih apabila harga semasa bagi seekor lembu di pasaran tempatan telah meningkat mencecah RM7,000 seekor.

Peningkatan itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kos makanan ruminan haiwan ternakan itu selain permintaan tinggi daripada orang ramai.

Berbanding sebelum ini, harga bagi lembu bersaiz sederhana adalah sekitar RM4,500 hingga RM5,000 seekor, tetapi meningkat kepada RM6,500 sehingga RM7,000 ketika ini.

Ini bermakna, satu bahagian daging lembu adalah bernilai antara RM850 hingga RM1,000.

Di **Kuala Nerus, Terengganu**, seorang penternak, Awang Mohd, 45, berkata, kekurangan lembu tempatan selain kejatuhan nilai ringgit dan kos makanan ruminan menjadi punca kenaikan harga bagi haiwan ternakan itu.

"Kami terpaksa bawa masuk lembu dari Thailand bagi menampung permintaan untuk ibadah korban tahun ini.

"Kelemahan ringgit menyebabkan lembu dari negara jiran kini lebih mahal berbanding tahun lalu," katanya.

Bagi Sumani Mohammad, 60, pula, dia terpaksa mengikut harga pasaran yang ditentukan oleh pemain industri pada masa ini.

Katanya, seekor lembu tempatan berusia dua tahun setengah bersaiz sederhana boleh dijual sehingga RM6,000.



PERMINTAAN tinggi selain kenaikan kos makanan ruminan lembu menyebabkan harga haiwan ternakan itu meningkat menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha.

"Memang ada kenaikan untuk mengerjakan ibadah korban pada tahun ini iaitu RM700 hingga RM900 sebahagian mengikut berat dan jenis lembu," jelasnya.

Di **Bentong, Pahang**, kenaikan harga lembu khususnya untuk ibadah korban pada tahun ini tidak menjejaskan permintaan haiwan itu daripada orang ramai.

Seorang penternak, Zainul Zaman Mahalim, 58, berkata, kenaikan kos termasuklah harga dedak yang menunjukkan trend peningkatan beberapa kali menyebabkan dia terpaksa menaikkan harga lembu.

Katanya, pada masa ini, lembu yang biasanya dijual pada harga RM3,500 hingga RM4,000 seekor kini terpaksa dijual RM5,000 seekor, manakala yang sebelum ini dijual pada harga RM5,000, kini melonjak kepada RM7,000.

"Walaupun mengalami kenaikan harga, namun permintaan lembu untuk korban terus meningkat dan saya tidak dapat menampung semua permintaan," katanya.

Di **Batu Pahat, Johor**, golongan penternak lembu di negeri ini mengakui harga pasaran haiwan itu terpaksa dinaikkan menjelang Hari Raya Aidiladha.

Seorang penternak dari Parit Sulong, Mohamad Ikhwan Ismail, 32 berkata, kenaikan harga lembu berlaku disebabkan kos operasi yang semakin meningkat khususnya harga bekalan makanan seperti hampas soya.

"Sejujurnya akan ada peningkatan harga jualan lembu berbanding Aidiladha tahun lalu kerana kami juga perlukan modal untuk pusing semula perniagaan ini," katanya.

Di **Sungai Petani, Kedah**, harga lembu di negeri ini merekodkan peningkatan 20 peratus iaitu mencecah RM6,000 seekor.

Peniaga daging lembu dikenali Adnan berkata, dia telah dimaklumkan oleh rakannya yang mempunyai permit import lembu supaya bersedia berdepan dengan kenaikan harga ternakan itu dalam masa terdekat.

"Kawan saya memaklumkan kenaikan harga lembu import tidak dapat dielak ekoran penternak berdepan masalah harga makanan yang tinggi.

"Disebabkan harga lembu import tidak menentu, saya bercadang untuk mencari lembu tempatan bagi menampung permintaan," katanya.

Seorang lagi peniaga lembu yang mahu dikenali sebagai Pyan berkata, setiap kali musim korban dia menjual kira-kira 900 ekor lembu kepada pihak masjid dan orang perseorangan.

"Berbeza kali ini apabila hanya 500 ekor lembu yang telah ditempah.

"Kami peniaga lembu tidak boleh sesuka hati membeli ternakan itu untuk dijadikan stok, sebaliknya membuat pesanan selepas menerima tempahan dan deposit," katanya.

# 'Kalau tak naik harga, kami juga yang tanggung rugi'

**PONTIAN** – Tindakan menaikkan harga lembu bagi tujuan korban pada tahun ini bukanlah semata-mata untuk meraih keuntungan, tetapi bagi mengimbangi kos yang telah dilaburkan golongan penternak.

Malah, rata-rata penternak turut memberi jaminan bahawa kualiti lembu korban yang dijual tahun ini adalah yang terbaik.

Seorang penternak, Abd. Samad Samiran, 49, berkata, pada tahun ini harga seekor lembu bagi tujuan ibadah korban dijual mencecah RM6,500 hingga RM7,000 seekor, berbanding RM4,500 hingga RM5,000 pada tahun lalu.

Katanya, bersesuaian dengan harga setinggi RM6,500 seekor, dia memberikan jaminan bahawa setiap seekor lembu yang dijual itu mampu mengeluarkan 100 kilogram daging lembu kepada pembeli.

"Memandangkan tiada pembelian lembu dari luar pada tahun ini, tempahan yang saya telah diterima setakat ini 11 ekor lembu sahaja dan menjangka hanya sekitar 20 hingga 25 ekor menjelang Hari Raya Aidiladha nanti," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Tambah Abd. Samad, dia berharap pembeli secara individu dan berkelompok dapat memahami situasi ketika ini, terutama mengenai harga lembu korban.

Seorang penternak di Shah Alam, Selangor, Mohd. Razali Umis, 62 berkata, kenaikan itu tidak dapat dielakkan kerana beberapa faktor.

"Tahun ini, kami (penternak) tiga kali berdepan kenaikan dedak yang memberi impak kepada kos ternakan yang mahal.

"Selain itu, kos berkenaan termasuk ubat-ubatan dan penyakit lembu yang sekali gus menyebabkan harga terpaksa dinaikkan tahun ini," katanya.



PENTERNAK, Mazlan Ismail (kanan) dan Mokhtar Abdul Rahman memberi makan lembu ternakan di Kampung Pohon Tanjong, Tumpat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 29 |

# Penternak, pemborong, peruncit ayam dikompaun

**Sebanyak 66,375 premis diperiksa dengan nilai sitaan RM133,000**

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun lebih RM256,800 terhadap penternak, pemborong dan peruncit ayam serta telur di seluruh negara kerana tidak mematuhi penentuan harga maksimum ayam dan telur yang dikuatkuasakan sejak 5 Februari lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, ia merangkumi tiga kesalahan iaitu menjual melebihi harga maksimum, gagal menggunakan tanda harga khas serta tiada tanda harga.

Katanya, sebanyak 66,375 premis diperiksa melibatkan 13 (penternak/pengeluar), 1,117 (borong) dan 65,245 (runcit) dengan nilai sitaan RM133,000.



ROSOL

"Sejak penentuan harga maksimum ayam dan telur dilaksanakan sehingga hari ini (Ahad), sejumlah 1,043 kes direkodkan membabitkan penternak/pengeluar, pemborong dan peruncit ayam serta telur dengan nilai kompaun melebihi RM256,800.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 111 kes dikesan menjual melebihi harga maksimum, 882 (gagal guna tanda harga khas) manakala 41 kes (tiada tanda harga)," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPDNHEP Terengganu, pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Dalam pada itu, Rosol berkata, terdapat peniaga yang didapati mengambil kesempatan menjual barangan melebihi harga kawalan pada minggu akhir penguatkuasaan penentuan harga maksimum telur dan ayam.

"Kita dapati dalam minggu terakhir ini ada ramai peniaga yang melanggar apa yang digariskan.

"Selain turun ke lapangan untuk memantau harga, kita turut memantau dan menunggu setiap laporan daripada pengguna, jika ada kita akan ambil tindakan," katanya.

## 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG AHAD

1. MENGAPA SEKARANG BARU TULAR?
2. 'SAYA YAKIN TIA MASIH HIDUP'
3. RUGI RM4 JUTA DIPERDAYA 'DATIN IDA'
4. KIPAS SEBAGAI MAKMUM, PELAKU JAHIL: MUFTI PULAU PINANG
5. LELAKI MAUT DIGILIS TRELER KETIKA KONVOI
6. BANDUAN TERAKHIR LARI DARI PENJARA JELEBU KENA CEKUP
7. KILANG TILAM TERBAKAR, ANGGOTA EMRS CEDERA
8. SITI NUR ATHHIYYA DITEMUKAN LEMAS
9. TULAR TARIKH PRU15, OKTOBER INI
10. SURI RUMAH MAUT DIKELAR TEMAN LELAKI ANAK

## Angkasa bantu atasi masalah kekurangan bekalan ayam

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) telah meluluskan RM14.26 juta untuk Projek Pembangunan Perniagaan Koperasi dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) ke-36 pada Sabtu.

Presiden Angkasa, Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, peruntukan tersebut akan digunakan dalam enam projek baharu termasuk untuk membantu kerajaan meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara.



Abdul Fattah (empat dari kanan) selepas sidang akhbar Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa (MAPA) ke-36 pada Sabtu.

Menurutnya, projek baharu tersebut turut merangkumi penternakan ayam untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan dan kebergantungan import bekalan ayam.

"Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi, hanya terdapat 19 buah koperasi yang terlibat secara besar-besaran keluarkan ayam.

"Namun hanya ada beberapa koperasi kecil yang keluarkan ayam dalam kuantiti yang sedikit. Koperasi ini yang kita akan memperkasakan dengan memastikan mereka dapat mengeluarkan ayam dengan lebih banyak.

"Kami yakin dapat membantu kerajaan dalam situasi ini dan kita akan fokus kepada segmen koperasi tanpa mengganggu pasaran terbuka," katanya dalam sidang akhbar Mesyuarat Agung MAPA ke-36 pada Sabtu.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan, projek tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh 18 bulan dan akan mengenal pasti jumlah koperasi yang diperlukan.

"Berdasarkan kepada statistik, seorang rakyat Malaysia secara puratanya memakan dua ekor ayam sebulan sekali gus menyaksikan pasaran memerlukan 14 juta ekor ayam sebulan dalam sektor koperasi.

"Jadi kami akan melihat berapa banyak koperasi yang diperlukan untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 5,000 ekor ayam sebulan," katanya.

> *Kami yakin dapat membantu kerajaan dalam situasi ini dan kita akan fokus kepada segmen koperasi tanpa mengganggu pasaran terbuka."*

Selain projek ayam, Angkasa merancang membina kilang pemprosesan, pembungkusan dan pemborongan beras jenama Melati, usahasama penanaman melon serta empat projek pembangunan perniagaan (Inkubator).

Dalam mesyuarat agung tersebut juga, turut berlangsung pemilihan Angkasa yang menyaksikan Abdul Fattah berjaya mempertahankan kerusi presiden dengan mendapat 1,468 undi.

Selain itu, Mohd Azlan Yahya pula dipilih sebagai Anggota Lembaga Angkasa manakala Norizah Abdullah, Asruddin Abas, Dr Razali Hassan, Abdul Kadir Jailani Ismail, Alimen Ahmad dan Ahmad Masri Abdul Rasid dipilih sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |



TERENGGANU mengharamkan penjualan semua spesies telur penyu berkuatkuasa 1 Jun ini. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

# Hanya dua peniaga masih jual telur penyu

**KUALA TERENGGANU:** Hanya dua peniaga di Pasar Payang 2 di sini didapati masih menjual telur penyu menjelang penguatkuasaan larangan penjualan barangan berkenaan bermula 1 Jun ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kedua-dua peniaga berkenaan berharap dapat segera menghabiskan bekalan yang ada dalam tempoh kurang tiga hari.

Seorang peniaga, Norshila Shukri, 58, berkata, walaupun mendapat permintaan yang tinggi daripada penggemar telur penyu, namun dia tidak mahu mengambil risiko didenda sekiranya terus menjual barangan larangan itu selepas 1 Jun.

Katanya, sebelum ini kira-kira 200 biji telur penyu terjual dalam sehari, malah jualannya pernah mencecah 10,000 biji sebulan.

"Telur dijual pada harga antara RM5 hingga RM8 sebiji, walaupun hasilnya lumayan tetapi saya tidak akan meneruskan penjualannya termasuk secara curi-curi," katanya ketika ditemui semalam.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, Terengganu mengharamkan penjualan semua spesies telur penyu termasuk tuntung laut berkuat kuasa Jun ini.

Azman berkata, mana-mana individu yang dikesan melakukan kesalahan berkenaan akan berdepan denda antara RM50,000 hingga RM250,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, seorang pekerja swasta, Mohd. Azlah Azhar, 44, dari Kuala Lumpur berkata, langkah kerajaan Terengganu melarang penjualan telur penyu adalah tepat bagi memulihara populasi reptilia marin berkenaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | BERITA HARIAN | KOMENTAR | 11 |

# Elak 'bom jangka' industri pengeluaran makanan meletup



Wartawan BH

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

**Siapa** sangka negara boleh berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan ayam kerana selama ini pengeluar tempatan bukan sahaja mampu menampung permintaan pasaran, malah turut mengeksportnya kepada pengguna di negara jiran Singapura.

Mengikut data Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI), purata keperluan daging ayam di negara ini berjumlah 2.09 juta ekor sehari dengan 62.9 juta ayam diperlukan bagi pasaran tempatan sebulan.

Bagaimanapun, data Jabatan Veterinar mula mengesan penurunan pengeluaran ayam sejak Oktober 2021 apabila hanya 52 juta ekor dikeluarkan, sebelum pengeluaran terus menurun kepada 51.4 juta pada November.

Pengeluaran ayam sebenarnya meningkat kepada 61.1 juta pada Disember lalu, namun masih belum mencapai keperluan sebenar 62.9 juta bagi menampung permintaan yang sepanjang masa sememangnya tinggi.

Akibatnya, pengguna gagal mendapat bekalan ayam mencukupi mula membuat pelbagai andaian dan melemparkan tuduhan kepada penternak ayam didakwa sengaja enggan meningkatkan pengeluaran hingga ke tahap dakwaan wujud kartel dalam industri ternakan.

Hakikatnya, penternak ayam turut berhadapan pelbagai cabaran dan birokrasi untuk meningkatkan pengeluaran seperti diperlukan pasaran, tetapi perlu melakukannya mengikut peraturan serta mengelak kerugian.

Tanpa memihak kepada penternak, cabaran utama pengusaha ternakan ayam adalah kenaikan harga dedak kini mencecah RM130 bagi per beg 50 kilogram berbanding sebelum ini cuma antara RM80 ke RM90.

Bahan dedak yang 70 peratus daripadanya campuran jagung bijirin dan kacang soya adalah diimport sepenuhnya dari luar negara sebelum proses penghasilannya dibuat di kawasan industri Pelabuhan Klang.

Suka atau tidak, dedak tetap diperlukan penternak ayam kerana ia sumber tenaga dan protein utama kepada anak ayam yang memerlukan masa 30 hari dalam proses tumbesarannya sebelum dapat dijual.

Penternak ayam turut berhadapan masalah kekurangan tenaga kerja berikutan kemasukan pekerja asing masih dilakukan berperingkat dengan keutamaan diberikan kepada sektor perladangan dan perindustrian.

Akibatnya, bilangan pekerja di ladang tidak mencukupi hingga dikhabarkan seorang pekerja di ladang terpaksa menjaga lebih 50,000 ekor ayam selain perlu melakukan pelbagai pekerjaan, termasuk memastikan kebersihan reban.

Ini semua memberi kesan kepada pengeluaran ayam kerana penternak tahu kemampuan mereka mengeluarkan ayam dan tidak boleh meningkatkan jumlah ternakan tanpa memiliki tenaga kerja mencukupi.

Ketika isu bekalan ayam tidak mencukupi, timbul pula laporan berkaitan kekurangan bekalan ikan menurun hingga 70 peratus di utara Semenanjung apabila hanya 300,000 tan ikan didaratkan sejak dua bulan lalu, berbanding kebiasaan lebih satu juta tan.

Walaupun, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan pengusaha bot nelayan swasta masih menyimpan bekalan ikan lebih 200 tan ketika ini, jumlah itu hanya mampu menampung permintaan pasaran bagi tempoh kurang 20 hari.

Kekurangan bekalan hasil laut ini boleh dikait masalah pencemaran dan kegiatan menangkap ikan menggunakan bubu naga yang mampu mengaut apa sahaja, termasuk ikan kecil.

Berkongsi perasaan kecewa, Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING), Che Ani Mat Zain menjelaskan penggunaan bubu naga bukan sahaja memusnahkan ekosistem laut, bahkan 'membunuh' kira-kira 60,000 nelayan pantai.

Penggunaan bubu naga dalam tempoh panjang akan merosakkan kawasan pesisir pantai yang menjadi tempat pembiakan ikan, ketam dan siput hingga semakin sukar ditemui nelayan pantai.

Sudah puluhan tahun, JARING mendesak pihak berkuasa meningkatkan penguatkuasaan, terutama ke atas nelayan asing menggunakan bubu naga, namun pencerobohan dan penggunaan alat itu masih berlaku.

Jika dalam tempoh 20 tahun, penggunaan bubu naga tidak dikawal dan usaha menggalakkan pembiakan anak ikan di kawasan pesisir tidak dilakukan, tidak mustahil sumber rezeki nelayan pantai itu pupus.

Ia sudah dapat dilihat di Teluk Nipah, Kuala Muda, baru-baru ini, apabila kegiatan menambak laut tanpa kelulusan dilakukan pengusaha pelancongan menyebabkan pencemaran serius.

Dengan apa berlaku ketika ini, pengurusan industri pengeluaran makanan negara perlu diteliti bagi mengelak krisis makanan berulang kerana ia boleh diumpama bom masa yang mampu meledak bila-bila masa.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Pemansuhan AP tindakan tepat

## Kartel tidak boleh ambil kesempatan, kaut untung berlebihan

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM



Masalah bekalan ayam sehingga mengakibatkan permintaan melebihi penawaran di pasaran menyebabkan peningkatan harga yang membebankan pengguna.

Kewujudan kartel makanan menguasai pasaran tempatan sehingga mampu memanipulasi harga demi kepentingan mereka bukan perkara baharu khususnya melibatkan makanan yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran.

Gerakan kartel yang disebut-sebut ini juga merupakan pemegang permit import (AP) yang dikeluarkan kerajaan sebagai kebenaran melaksanakan proses import makanan untuk menampung permintaan makanan dalam pasaran negara.

Mereka ini juga sebenarnya secara tidak langsung membantu masyarakat dalam membuat pilihan pembelian.

Meskipun begitu, disebabkan kelebihan pada pemegang AP ini, terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang hanya mementingkan keuntungan sendiri tanpa memikirkan kepentingan masyarakat secara keseluruhannya.

Ini boleh dilihat berdasarkan isu bekalan daging lembu dan ayam misalnya, apabila pengguna terpaksa berdepan dengan masalah bekalan yang meragukan.

Kes penyeludupan daging lembu import diragui status halalnya untuk dijual di pasaran halal tempatan angkara kartel daging yang dibongkarkan sebelum ini adalah isu paling memberi kesan kepada pengguna khususnya umat Islam yang merupakan kelompok terbesar di negara ini.

Selain itu, isu terbaharu apabila pengguna juga terpaksa berdepan masalah bekalan ayam sehingga permintaan melebihi penawaran di pasaran seterusnya menyebabkan peningkatan harga yang membebankan pengguna.

Sedangkan pemegang-pemegang AP sedia ada sepatutnya berkeupayaan untuk membantu menambah bekalan di pasaran dan masalah bekalan ayam tidak sepatutnya wujud.

Pelbagai modus operandi yang 'sengaja' dilakukan kartel demi mengawal



AHMED RAZMAN



AHMAD AZRIN

bekalan pasaran telah menimbulkan perdebatan sehinggalah kerajaan mengambil langkah drastik dengan memansuhkan AP bagi bahan makanan berkuat kuasa serta-merta demi ke arah penyelesaian masalah yang hadapi pengguna.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengumumkan perkara itu pada 18 Mei lalu berkata, dengan pemansuhan AP, sesiapa sahaja boleh mengimport makanan dari luar negara.

"Kita buka kepada sesiapa sahaja untuk mengimport bahan makanan untuk masuk ke negara kita. Kalau dulu ada AP lembu, daging dan macam-macam lagi, mulai hari ini tiada AP lagi diperlukan berkuat kuasa serta-merta," katanya.

Keputusan pemansuhan AP itu telah mencetuskan reaksi pelbagai pihak yang kebanyakannya menyambut baik langkah tersebut meskipun menyifatkan ia sekadar untuk jangka masa pendek.

### Manfaat kepada PKS

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin, Profesor Madya Dr Ahmad Azrin Adnan juga tidak menafikan kepentingan pemansuhan AP ketika ini demi menyelesaikan masalah bekalan makanan dalam negara.

Langkah itu juga katanya, bakal memberi kesan kepada kumpulan kartel yang selama ini mengaut keuntungan berlebihan kerana memonopoli pasaran.

> *Jadi apabila AP dimansuhkan, kartel-kartel ini akan terkesan kerana ia akan mengurangkan keuntungan kartel untuk jangka masa sederhana disebabkan banyak pihak boleh mengimport makanan."*
>
> \- Ahmad Azrin

"Kartel adalah isu yang sukar untuk diselesaikan kerana tiada pihak mengaku mereka kartel. Mereka ini mengaut keuntungan yang besar dan sepatutnya jika dimanfaatkan dengan betul, mereka sebenarnya boleh bantu rakyat (dengan mengurangkan harga). Namun ia tidak berlaku.

"Jadi apabila AP dimansuhkan, kartel-kartel ini akan terkesan kerana ia akan mengurangkan keuntungan kartel untuk jangka masa sederhana disebabkan banyak pihak boleh mengimport makanan," katanya.

Jelas beliau lagi, selain itu pemansuhan AP yang dapat membantu menstabilkan bekalan makanan dalam negara juga bakal memberi manfaat kepada golongan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menurutnya, apabila bekalan makanan sudah stabil, bekalan untuk golongan PKS juga akan menjadi stabil sekali gus membantu kelangsungan perniagaan mereka.

Beliau pada masa sama percaya, kerajaan mempunyai mekanisme sewajarnya berkaitan kaedah kemasukan makanan import yang dijangka bertambah untuk tempoh tiga bulan akan datang.

"Namun, lambakan bekalan dalam negara sebenarnya tidak memberi jaminan kepada penurunan harga kerana terdapat banyak faktor luar kawalan termasuk sekiranya jumlah permintaan masih lagi kekal tinggi berbanding penawaran," katanya.

### Kawalan harga

Pakar Ekonomi daripada Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff juga senada dalam isu kesan harga barangan makanan di pasaran selepas AP dimansuhkan.

Katanya, walaupun AP makanan dimansuhkan, ia tidak semestinya akan menyebabkan harga daging lembu dan ayam import diturunkan kerana fenomena harga barang naik adalah isu global dan seluruh dunia mengalami kesan kenaikan harga barang.

"Cuma sekurang-kurangnya dengan pemansuhan AP ini, pemegang AP tidak akan dapat mengambil kesempatan mengenakan harga yang lebih tinggi daripada sepatutnya.

"Selain itu, kerajaan harus memastikan selepas pemansuhan AP import makanan ini, proses import ditambah baik supaya ia lebih telus," katanya.

Ujarnya, pemansuhan AP yang sepatutnya menguntungkan pembeli hanya bersifat penyelesaian jangka pendek jika negara masih bergantung kepada makanan import.

"Jika harga makanan import kekal tinggi, maka kita akan terus berdepan dengan harga makanan yang tinggi.

"Untuk jangka masa panjang, kita harus mula menghasilkan makanan sendiri supaya tidak mudah terkesan dengan harga makanan import," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA LELAKI | 24 |



MUHAMMAD Daniel di kebun cilinya. Setakat ini sebanyak 1,200 pokok cili ditanam di dalam beg polister dan dibungkus serta dijual kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

# Daniel's Corner lambang sayang anak

Oleh HALINA MD. NOOR
gayautusan@mediamulia.com.my

DEMI kelangsungan hidup anak syurga mereka, pasangan suami isteri ini sanggup berkorban wang ringgit dan masa demi membina bengkel biskut serta membuka ladang cili di Kuala Kubu Bharu sebagai sumber pendapatan anak istimewa itu.

Shuhaila Saidon, 49 dan suami, Mohd Idham Atan, 49, membuka perniagaan itu sejak empat bulan lalu dengan harapan agar anak sulung mereka, Muhammad Daniel,21, yang mengalami autisme, disleksia dan Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD) ringan, berupaya menjana pendapatannya sendiri kelak.

Bengkel dikenali sebagai Daniel's Corner itu mengeluarkan aneka biskut sesuai untuk dihidangkan di Aidilfitri serta minum petang.

Daniel' Corner juga mampu menghasilkan 40 balang biskut menerusi 20 hingga 30 bancuhan sehari.

Si bapa pula mendidik anak bertani di ladang cili yang terletak di dalam kawasan Akademi Bomba berhampiran gerai berkenaan. Di ladang itu, Muhammad Daniel diajar menyemai cili, membaja dan membungkus sebelum dijual.



MUHAMMAD Daniel (tengah) bersama ibu Shuhaila Saidon dan ayah Mohd. Idham Atan.

"Sebagai ibu bapa, kami risau dengan masa depan anak istimewa ini. Setiap hari sering bermain-main di fikiran, bagaimana keadaan Daniel bila kami sudah tiada nanti? Mampukah dia menjaga diri dan mencari rezeki sendiri tanpa perlu meminta-minta? Disebabkan persoalan inilah, kami rasa penting untuk merancang masa depannya dari sekarang.

"Justeru, kami merancang membina perniagaan dan produk untuk Daniel. Kami ajar dia cara menguruskan perniagaan dari mula sampai akhir. Saya sendiri mengajarnya membuat biskut, mencipta resipi dan membungkus manakala ayahnya pula mendidiknya untuk menguruskan kewangan atau akaun," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini

Katanya lagi setakat ini memang dia belum boleh menyerahkan sepenuhnya urusan bengkel itu kepada Muhammad Daniel tetapi anaknya itu sudah belajar banyak perkara termasuk boleh membuat biskut, mengendalikan mesin adunan biskut dan oven tetapi dengan pemantauannya.

Setakat ini, bengkel berkenaan sudah mengeluarkan sebanyak lapan jenis biskut dan antara yang menjadi kegemaran seperti *Dark Handsome* yang juga adalah hasil resipi Daniel sendiri, *Onde-Onde, Crazy Choc Sea Salt, Belgian Redvelvet, Creamy Biscoff, Oat and Raisin, Pecan Gula Melaka* dan *Almond Suji*.

Sebanyak 400 balang sudah terjual sejak awal Ramadan lalu dan kini Daniel's Corner masih terus menerima tempahan daripada pelanggan sekitar Lembah Klang.

Keenakan biskut dihasilkan Daniel's Corner memang tidak dapat dinafikan malah biskut *Crazy Choc Sea Salt* turut mendapat perhatian isteri kepada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin iaitu Nori Abdullah yang turut menempah sehingga 200 balang biskut berkenaan sebelum ini.

**PENDEDAHAN ILMU**

Selain bengkel biskut, Muhammad Daniel turut didedahkan dengan ilmu pertanian menerusi projek penanaman cili merah yang dijalankan dengan kerjasama Akademi Bomba di situ.

Setakat ini sebanyak 1,200 pokok cili ditanam di dalam beg polister dan dibungkus serta dijual kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Selain memastikan Daniel ada pendapatan sendiri, saya juga berharap bengkel dan ladang cili ini nanti turut memberi peluang kepada anak-anak istimewa lain menjana pendapatan. Mereka boleh datang untuk membantu Daniel buat biskut atau petik cili dan kami beri mereka token. Begitu juga dengan pelajar sekolah atau universiti yang ingin cari pendapatan tambahan semasa bercuti juga dialu-alukan untuk datang membantu.

"Saya nak buka mata masyarakat bahawa anak-anak istimewa ini sebenarnya berbakat dan boleh cari rezeki



**DANIEL' CORNER**

- **Produk:** Aneka Biskut
- **Lokasi:** Gerai PLB, Jalan Padang Tembak, Kuala Kubu Bharu, Selangor
- **Waktu operasi:** 9 pagi hingga 6 petang
- **Harga biskut:** Bermula RM15 sehingga RM30

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA LELAKI | 25 |






**Sebagai ibubapa, kami risau dengan masa depan anak istimewa ini. Setiap hari sering bermain-main di fikiran, bagaimana keadaan Daniel bila kami sudah tiada nanti?**



sendiri sekiranya diberikan latihan bersesuaian. Ramai ibu bapa buntu bila fikir nasib anak masing-masing kerana selepas tamat persekolahan ramai yang tiada arah tuju," katanya.

**TAMPIL MEMBANTU**

Shuhaila berharap lebih banyak pihak tampil membantu anak-anak istimewa ini terutama mereka yang tinggal di luar bandar dan ketinggalan dalam banyak segi berbanding anak-anak istimewa di bandar di mana ibu bapa mereka berpendidikan tinggi dan tiada masalah daripada segi kewangan.

Tambahnya lagi, ibu bapa adalah guru yang tepat untuk anak kerana mereka saja yang faham keperluan cahaya mata masing-masing. Justeru, Shuhaila menasihatkan ibu bapa mencari ilmu untuk membantu anak istimewa mereka merancang masa depan.

"Saya sendiri terpaksa keluar mencari ilmu untuk mendapatkan pendedahan mengenai anak istimewa termasuk menghadiri program kesedaran dan bertemu ibu bapa yang ada anak istimewa. Ibu bapa sebenarnya kena rancang dari sekarang. Masa Daniel kecil, dia tidak boleh urus diri sendiri. Saya ajar dia pengurusan diri termasuk mengemas bilik sendiri sehingga dia jadi seorang sangat pembersih.

"Bila remaja, saya didik dia cara bersosial pula, bagaimana berkomunikasi dengan orang dan mula ajar sedikit ilmu perniagaan ketika dia berusia 18 tahun. Memang tidak dinafikan banyak cabarannya untuk sampai ke setiap peringkat tetapi kenalah bersabar," katanya.

Menyingkap rahsia kejayaan menembusi pasaran biskut, Shuhaila berkata dia kerap membuat promosi setiap kali menyertai program anak-anak autisme dan program CSR lain. Walaupun hanya bawa 30 botol saja tetapi dia yakin dengan produk yang berkualiti, ia akan dicari pelanggan.



**DANIEL** memasang impian untuk menjadikan bengkelnya sebuah kafe.

# 'Nak jumpa Neelofa belajar berniaga'

**JIWA berniaga semakin menebal dalam diri Muhammad Daniel sejak berjinak-jinak dengan perniagaan biskut dan cili malah dia juga menyimpan hasrat mahu bergelar usahawan berjaya suatu masa nanti.**

Daniel yang berjaya menghasilkan resipi biskutnya sendiri, *Dark Handsome* yang menjadi kegemaran pelanggan, berkata dia amat mengagumi kejayaan Neelofa dalam bidang perniagaan dan menyimpan impian untuk mengikut jejak langkah usahawan jelita itu.

"Saya bangga sebab sekarang sudah ada perniagaan saya sendiri. Kalau ikutkan memang penat sebab setiap hari kena bangun awal tapi tidur lewat. Hendak tak hendak kena buat juga sebab nak cari pendapatan sendiri. Banyak cabaran nak mula berniaga ni tapi tak susah sebab semuanya atas diri sendiri. Nak tak nak kena belajar.

"Sumber inspirasi saya adalah Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri dan usahawan pula, Neelofa. Harap satu hari nanti saya dapat jumpa dia. Kalau boleh saya nak berjaya seperti mereka suatu hari nanti. Saya nak jadikan bengkel ini kafe seperti Starbucks," katanya ramah.

Daniel mengakui dirinya kini lebih seronok dengan aktiviti membuat biskut dan bekerja di ladang cili bersama bapanya. Dia juga terbiasa tidur lewat setiap hari malah pernah berjaga sehingga jam 3 pagi untuk menyiapkan tempahan biskut yang diterima daripada pelanggan.

Muhammad Daniel mengalami masalah sukar menelan makanan pejal seperti nasi dan hanya makan bubur nasi cair serta susu khas sejak kecil.

Malah kisahnya yang unik ini juga pernah mendapat perhatian media dan disiarkan dalam majalah serta akhbar utama tanah air ketika kanak-kanak dan remaja.

Setiap kali disuapkan makanan pejal, ia seakan tersekat pada kerongkong saja dan akan dimuntahkan sehingga menyebabkan sakit perut.

Muhammad Daniel disahkan mengalami masalah pemakanan dan ketika usianya tujuh tahun dan dirawat oleh Pakar Psikologi di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Gombak, Dr. Khamsiah Ismail sejak usia 8 tahun.

Kata-kata semangat daripada Dr. Khamsiah yang meninggal dunia beberapa bulan lalu akibat Covid-19 supaya Daniel mengeluarkan produk sendiri untuk dijual, kekal dalam memorinya.

Daniel gembira akhirnya dapat merealisasikan impian doktor kesayangannya itu walaupun arwah tidak dapat menyaksikan kejayaannya hari ini.

"Selain besarkan perniagaan, saya teringin untuk pergi ke Makkah," katanya mengakhiri perbualan.



**ANTARA** biskut yang menjadi pilihan pembeli.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | KOSMO | K2 | 29 |

Kampus

Oleh KHAIRIYAH HANAFI



SEORANG pelajar turun ke sawah mengambil sampel tanah sebelum cadangan meningkatkan hasil tanaman padi diberikan kepada pesawah.

# Pelajar UPM turun ke sawah bantu petani

BAGI memberi pendedahan kepada pelajar tentang kaedah pemindahan ilmu dan penyampaian khidmat nasihat teknikal kepada pesawah di lapangan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Pelajar Turun ke Sawah di Sungai Balang, Muar, Johor Darul Takzim.

Program tersebut dijalankan khas bagi pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Pengurusan Kesuburan Tanah.

Menerusi program yang dijalankan pada 21 hingga 22 Mei lalu itu melibatkan seramai 21 pelajar daripada jurusan Sarjana Muda Sains Pertanian.

Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian UPM, Dr. Muhammad Firdaus Sulaiman berkata, penganjuran program itu juga bertujuan untuk mempraktikkan ilmu yang dipelajari semasa pengikuti kursus Pengurusan Kesuburan Tanah.

"Program ini turut melibatkan seramai enam pensyarah dan tiga Penolong Pegawai Sains dari Jabatan Pengurusan Tanah, fakulti ini.

"Pada hari pertama program, pelajar telah turun ke lapangan untuk menjalankan pensampelan tanah meliputi keseluruhan kawasan sawah Sungai Balang.

"Sampel tanah yang diambil kemudian dibawa ke makmal di Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian UPM untuk dibuat analisis penentuan tahap keasidan dan kandungan unsur kimia," katanya.

Katanya, program Pelajar Turun ke Sawah itu mendapat sokongan dan kerjasama penuh daripada Pegawai Daerah Muar, Penghulu Mukim Sungai Balang, Ketua Kampung Parit Subari dan Parit Yusof serta Persatuan Pesawah Sungai Balang.

Sementara itu, satu sesi dialog antara pesawah kawasan Sungai Balang dengan pensyarah serta pelajar diadakan pada hari kedua program.



SESI dialog antara pesawah, pensyarah dan pelajar UPM berjalan lancar dengan perkongsian ilmu baharu bagi semua yang terlibat.

"Pada sesi dialog tersebut, pesawah-pesawah kawasan Sungai Balang berkongsi masalah yang dihadapi mereka yang telah merencatkan hasil padi.

"Pensyarah UPM pula memberi maklum balas dengan mencadangkan beberapa kaedah yang boleh dijalankan oleh pesawah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi bagi meningkatkan hasil padi.

"Bagaimanapun, cadangan kaedah yang lebih khusus hanya akan dapat diberikan setelah hasil keputusan analisis sampel tanah diperoleh," tambahnya.

Pada hari kedua program tersebut juga berlangsung majlis perasmian penutup yang disempurnakan Pegawai Daerah Muar, Datuk Mustaffa Kamal Shamsudin.

Ketika berucap pada majlis itu, Mustaffa berkata, melalui program tersebut, para pelajar dapat merasai pengalaman menjalankan pensampelan tanah di kawasan pertanian sebenar.

Di samping itu katanya, mereka dapat merasai pengalaman menjalankan proses pemindahan ilmu dan perkongsian khidmat nasihat teknikal kepada pesawah.

"Selain memberi nilai tambah kepada proses pembelajaran pelajar UPM, program ini juga dapat membantu pesawah di kawasan Sungai Balang.

"Ini dilakukan menerusi cadangan kaedah yang diharapkan dapat meningkatkan hasil padi mereka," ujarnya.



WARGA UPM merakam gambar kenangan ketika majlis penutup Program Pelajar Turun ke Sawah di Sungai Balang, Muar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | MUKA DEPAN | 1 |



www.harakahdaily.net suratpembaca@harakah.net.my 03-4025 4741 @harakahdailyHD

# KARTEL AYAM

## Khianat Negara

**KUALA LUMPUR:** PAS menyokong penuh usaha kerajaan menyiasat berhubung laporan kewujudan kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dilaporkan sedang menyiasat perkara ini dan dijangka akan selesai pada bulan Jun ini.

"Kewujudan kartel ayam amat dikesali dan sangat tidak patriotik kepada negara dan rakyat," tegas Pengerusi Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan PAS Pusat, Dr Rosni Adam.

LANJUT H2, H3 & H4

Harga ayam yang mencecah antara RM10 hingga RM13 di Lembah Klang dan beberapa negeri lain selain bekalan yang terhad dikatakan berpunca antaranya wujud kartel ayam yang memanipulasi bekalan dan pasaran ayam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | NASIONAL | H2 |

# Banteras kartel ayam – *Dr Rosni*



**Bagaimana stok ayam di sesetengah kawasan boleh habis?**

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

**KUALA LUMPUR:** PAS menyokong penuh usaha kerajaan menyiasat berhubung laporan kewujudan kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dilaporkan sedang menyiasat perkara ini dan dijangka akan selesai pada bulan Jun ini.

Jika didapati wujud kesepakatan kartel tersebut, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.


**Dr Rosni Adam**

Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Malaysia, Dr Rosni Adam berkata, ia satu tindakan yang tepat untuk membantu rakyat mendapatkan keadilan dalam bekalan makanan.

"Ayam merupakan sumber protein utama rakyat terbanyak di Malaysia.

"Kewujudan kartel ayam amat dikesali dan sangat tidak patriotik kepada negara dan rakyat," katanya.

Tambah beliau yang juga Pengerusi Lajnah Kebajikan Dan Kemasyarakatan PAS Pusat (LKKPP), dunia sekarang menuju ke arah krisis makanan.

"Justeru itu, usaha membenteras kartel seumpama ini perlu dipergiatkan lagi. Pelbagai pihak perlu terlibat dalam usaha ini baik daripada kerajaan dan badan bukan kerajaan.

# Pelbagai faktor pengaruhi kenaikan harga barang – *Ahli Akademik*

Oleh **SYAHIRAH SALLEH**

**KUALA LUMPUR:** Ahli Akademik, Prof Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed menganggap kenaikan harga barang, termasuk harga ayam dipengaruhi pelbagai faktor dalaman dan luaran.

Katanya, selain daripada permintaan melebihi pengeluaran yang berpotensi menyebabkan kenaikan harga, faktor seperti masalah berpunca daripada rantaian bekalan juga perlu diambil kira.

Antaranya, masalah semasa pengeluaran, cuaca, persekitaran dan krisis lain yang berlaku di negara lain seperti Perang Rusia, Ukraine dan cuaca panas melampau di India sehingga menyebabkan bekalan gandum berkurangan.

"Sebenarnya krisis makanan ini memang dalam jangkaan disebabkan semasa Covid-19 sebelum ini banyak pengeluaran yang mula menunjukkan tanda-tanda gangguan atau kekangan disebabkan oleh keterbatasan pergerakan fizikal dalam tempoh tersebut.

"Jadi apabila pengeluaran terganggu sebelum ini dan baru mula berkembang semula, namun dalam masa yang sama juga melibatkan faktor lain, maka ianya telah menjejaskan pengeluaran sebahagian bahan makanan," katanya.

Justeru, tindakan kerajaan menghentikan eksport


**Prof Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed**

ayam hanyalah penyelesaian jangka pendek bagi memenuhi permintaan ayam dalam negara.

Tindakan sebegitu kata Dr Anuar Shah Bali, adalah perkara biasa yang akan dilakukan oleh mana-mana negara untuk mengatasi krisis yang berlaku dalam negara.

"Apabila ada krisis, kerajaan akan mengutamakan rakyat mereka sendiri, agar bekalan makanan tidak terputus.

"Tetapi, ini hanya untuk sementara waktu untuk menampung bekalan makanan dengan harapan bekalan dalam negara mencukupi dan dapat menampung keperluan rakyat," katanya ketika dihubungi Harakah, pada Jumaat.

Menurut Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, harga ayam boleh kembali terkawal jika permintaan dan pengeluaran ayam dalam negara dapat dipenuhi dan distabilkan.

Katanya, jika permintaan terhadap sesuatu produk tinggi, tetapi pengeluarannya rendah, maka ianya berpotensi untuk berlakunya kenaikan harga, termasuk harga ayam.

Tambah beliau, tindakan sebahagian penjual mengehadkan jualan ayam kepada pelanggan seperti hanya dua ekor ayam untuk satu pelanggan adalah penting.

Katanya, itu akan membantu stok bekalan tidak cepat habis, sekaligus dapat mengurangkan potensi kenaikan harga.

Namun dalam satu sudut yang lain pula ianya memberikan kesan kepada pemiagaan yang berasaskan kepada ayam.

"Ayam adalah makanan yang penting dalam negara dan mempunyai permintaan setiap hari, tidak seperti bahan lain yang mempunyai musim tertentu.

"Jika sehari, bekalan ayam berkurangan atau terputus, ia bakal menjadi isu nasional.

"Terutamanya, industri makanan yang sememangnya memerlukan bekalan ayam dengan kuantiti yang banyak setiap hari," katanya.

Ditanya sejauh mana situasi ini akan berlarutan, kata Dr Anuar Shah Bali, ia bergantung kepada sejauh mana faktor yang mempengaruhi pengeluaran ayam tersebut dapat dikawal.

Tambah beliau, perkara ini bukan hanya akan terjadi kepada bekalan ayam sahaja, bahkan ianya juga terpakai kepada semua keperluan lain jika menghadapi masalah pada peringkat pengeluaran yang berlaku disebabkan faktor dalaman dan luaran.

> **"Krisis makanan ini memang dalam jangkaan disebabkan semasa Covid-19 sebelum ini banyak pengeluaran yang mula menunjukkan tanda-tanda gangguan atau kekangan disebabkan oleh keterbatasan pergerakan fizikal**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | NASIONAL | H3 |

# Pengeluaran ayam di bawah syarikat kawalan kerajaan

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

**KUALA LUMPUR:** Pengeluaran ayam di bawah syarikat kawalan kerajaan perlu diadakan bagi menjamin isu keselamatan makanan.

Menurut Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, kenaikan harga dan kekurangan bekalan ayam yang berlaku baru-baru ini kerana kebanyakannya bahan makanan ayam diimport seperti dedak atau bahan pembuatannya.

"Mengapa isu ayam berlaku, kerana sebelum ini kebanyakannya bahan-bahan makanan untuk ayam itu ada diimport, dedak atau untuk menghasilkan dedak seperti kacang soya, jagung dan sebagainya.

"Jadi mencari langkah supaya bahan-bahan makanan tidak perlu diimport maksudnya dihasilkan di dalam negara, tetapi ia juga bergantung kepada pengeluar ayam yang mana pengeluar ayam ini ialah swasta. Mereka bebas sama ada untuk membeli daripada luar atau dari tempatan.

"Jadi kerajaan juga tidak ada kuasa mendesak mereka untuk mengambil bahan makanan tempatan kalau ada, sebab ia dibawah swasta tetapi kalau ia syarikat di bawah kawalan kerajaan macam GLC dan sebagainya untuk menyokong pasaran jadi mereka mengambil bahan-bahan makanan ataupun pengeluaran tempatan itu mungkin boleh menjadi persaingan kepada luar," katanya.

Kata beliau, itu merupakan satu langkah jangka panjang bagi memastikan isu bekalan makanan terjamin.

"Kalau baru sekarang nak mengambil langkah untuk mengatasi masalah rantaian makanan ia terlalu singkat dan tidak dapat diselesaikan isu ini dalam masa semalaman," katanya ketika dihubungi *Harakah* pada Jumaat.

Menurut Mohd Yusof, negara Thailand merupakan antara yang perhatian tentang isu keselamatan makanan yang mana menjadikan pertanian sebagai bahan utama.

"Justeru itu, kerajaan kena memberikan perhatian tentang isu keselamatan makanan maksudnya apa juga makanan yang menjadi makanan rutin rakyat tempatan perlu dihasilkan sendiri oleh negara," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan pengeluaran dapat dilaksanakan secara berdaya saing, bahan-bahan import perlu didapati daripada tempatan.

"Sekarang ini kebanyakan bahan-bahan makanan yang berlaku kenaikan itu kadang-kadang diluar daripada kawalan kita kerana kebanyakan diimport.

"Macam gandum, kita terpaksa diimport daripada luar, daripada Kanada, Australia. Masalah sekarang ini juga gandum sudah jadi seolah-olah macam makanan tempatan contohnya setiap pagi makan roti canai dan sebagainya.


**Mohd Yusof Abdul Rahman**

"Itu sudah menjadi satu isu sedangkan ada negara China dan sebagainya mereka telah mengubah makanan rutin mereka supaya rakyat mereka makanan yang dihasilkan dalam negara. Jadi itu isu-isu yang mungkin dilihat secara keseluruhan kalau kita nak memperkatakan isu keselamatan makananlah," katanya.

# Isu ayam belum selesai, tepung gandum pula habis

Oleh **SRIHAYANIS ABASRI**

**PELABUHAN KLANG:** Isu harga ayam dan bekalan ayam terhad masih menjadi topik utama hangat di kalangan rakyat sepanjang bulan Syawal ini.

Tinjauan *Harakah*, Pasar Besar, di sini, mendapat beberapa keluhan panjang yang diluahkan oleh pembeli dan peniaga berkenaan isu ayam.

Berdasarkan tinjauan, harga ayam masih lagi dikawal cuma untuk mendapatkan bekalan ayam itu amatlah terhad untuk satu keluarga dan ini amat membimbangkan pembeli bagi yang ingin membuat sesuatu majlis seperti perayaan atau kenduri-kendara.

Pembeli, Jue Ida, 40, juga terkesan dengan harga ayam yang makin meningkat dari hari ke hari di samping kesukaran untuk mendapat bekalan ayam yang memang terhad buat pelanggan.

"Saya pelanggan lama di sini. Seingat saya dulu harga ayam RM7.50 sekilo. Sekarang hendak membeli ayam pun, kena tempah awal dulu hari ini, esok baru datang ambil.

"Saya sangat memerlukan ayam sebanyak 25 ekor tujuan untuk memasak pada hari terbuka, Sabtu ini. Tetapi, kemahuan saya tidak dapat dipenuhi kerana pelanggan atau ketua rumah terhad untuk mendapatkan ayam.

"Jadi, saya akan menempah ayam sehari awal sejak hari Selasa, satu hari saya minta dengan baik kepada peniaga untuk mendapatkan tiga ekor ayam sehari sehingga Jumaat ini kerana Sabtu saya sudah mula memasak," katanya.

Beliau tidak pernah membeli ayam di pasaraya terdekat kerana bagi beliau ayam di pasar lebih segar berbanding di pasaraya.

"Walau bagaimanapun, saya tidak kisah akan harga ayam, cumanya agak susah hendak dapat bekalan ayam yang mencukupi kerana anak-anak lebih gemar ayam berbanding ikan," katanya.

Sementara itu, peniaga dikenali sebagai Jep Ayam, 50, berkata bekalan ayam sentiasa ada cuma terhad kepada pelanggan.

"Jika pelanggan datang untuk membeli lima ekor ayam, kami hanya boleh bagi dua ekor sahaja untuk satu keluarga mengikut kepada keperluan. Jadi, semua pelanggan akan dapat sama rata.

"Apa yang kita beli, kita dapat, itu yang kita jual. Stok ayam pula dulu kita pesan dalam 400 ekor, kita akan dapat *'solid'*, tapi sekarang kita hanya dapat 250 atau 300 ekor.

"Saya diberi maklum banyak peladang-peladang tutup kerana tiada ayam dan isu masih tidak diketahui serta mungkin berpunca daripada makanan ayam dan tiada subsidi. Wallahualam," katanya.

Beliau turut tertekan dengan pengehadkan ayam kepada pelanggan kerana sebelum ini tiada sebarang masalah untuk menjual ayam seberapa banyak pun dan kini perlu untuk berbuat demikian.

"Kita boleh bagi berapa ekor ayam tapi sebaiknya


**Jue Ida**


**Jep Ayam**


**Pasar Besar Pelabuhan Klang.**

dua ekor ayam untuk satu keluarga dengan atas keperluan, andai kata pelanggan memerlukan 10 ekor ayam tujuan untuk buat rumah terbuka, kami boleh bagi terhad lima ekor sahaja. Jadi adillah.

"Saya berharap agar kerajaan dapat mengatasi isu ini dengan secepat mungkin kerana bukan harga ayam sahaja yang timbul isu, kini, gandum pun tiada, minyak masak, selepas itu, sayur pula naik harga.

"Kalau satu keluarga itu datang dengan hanya bawa RM100 di tangan, saya jamin nilai itu tidak cukup untuk berbelanja barang basah. Sudah beli daging, sayur dan ayam, jadi habis macam itu sahaja RM100.

"Jadi isu inilah, tidak tahu dari mana silapnya daripada awal ke mana, Wallahualam. Kasihan pada rakyat B40, anak-anak mahukan ayam, di beri ikan tidak mahu. Jadi terpaksa beli ayam," katanya yang memahami situasi pembeli.

Tambah beliau, kerajaan akan kawal harga ayam sehingga 5 Jun.

"Sepatutnya, selepas 5 Jun berilah kelonggaran kepada kami untuk menaikkan sikit harga, jadi semua warga dapat merasa beli ayam di bawah RM10 sekilo. Jadi, disitulah pembeli masih mampu lagi membeli.

"Sampaikan sekarang ini masih ada peniaga yang menjual ayam dengan harga RM12 hingga RM15 sekilo. Macam kami, kami meletakkan harga ayam RM8.90 sekilo, tetapi kami ambil upah RM1, jadi jumlahnya RM9.90.

"Jika diikutkan, dapat sedikit sahaja untung kami, kami hendak bayar gaji pekerja lagi, pekerja ada enam orang, bayar sewa kedai, kedai ini kepunyaan abang saya dan saya hanya orang kuat perantaraan sahaja," katanya.

Jelas beliau, stok ayam perlu dicari merata kerana bukan mudah untuk mendapatkan bekalan ayam di satu tempat sahaja.

"Kadang kita cari bekalan ayam sehingga lewat malam, tidak sempat tidur. Tengok ada orang bekalan ayam terus kami datang.


**Pekedai ayam ada sebab tersendiri untuk menutup di pintu hadapan kedai demi mengelakkan sebarang masalah yang timbul.**

kita minta pada dia sehingga kami merayu-rayu baru dapat ayam tersebut, demi keperluan pembeli," katanya.

Berdasarkan pemerhatian tinjauan, kedai ayam mereka tutup di pintu hadapan dan buka untuk dijual di sisi kedai mereka. Setelah menemu bual, mereka ada sebab yang tertentu.

"Memang, kalau kita buka kedai macam selalu akan jadi masalah. Kita ada pelanggan tetap yang peniaga nasi ayam yang berniaga di sekitar ini. Kami tidak mahu berlakunya permasalahan, kami juga peniaga yang ingin jaga hati masing-masing. Solusinya, kami hanya buka pintu di sisi.

"Setakat ini di kawasan ini belum ada pembeli yang memberontak kerana setiap kali pembeli bertanya ingin tahu, kami akan terangkan secara baik dan situasi yang berlaku. Mereka juga telah faham dengan isu yang terjadi sekarang ini," katanya.

"Pengalaman saya berniaga di sini hampir 15 tahun. Pasar beroperasi pada hari Isnin hingga Ahad, buka jam 6 pagi hingga habis jualan. Macam sekarang ini cepat ayam habis, jadi jam 11 pagi atau 12 tengah hari kami dah mula kemas-kemas. Dahulu paling awal, ayam habis jam 1 tengah hari. Memang ada perubahan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | NASIONAL | H4 |

komenEditor

# Selepas ayam, ikan dan tepung apa pula?

Oleh **WAN NORDIN WAN YAACOB**



CEMAS... ada seorang rakan peniaga kueh tradisional menghubungi penulis, sejak beberapa hari lalu bekalan tepung dikatakan semakin 'kurang' dan dijangka akan semakin parah menjelang pertengahan Jun.

"Saya pergi ke kedai sekitar Seremban ni, dah ada peniaga kata, kalau nak stok tepung baik ambil banyak, kalau tidak, beberapa hari lagi bakal tiada stok," kata beliau kepada penulis.

Rakan penulis ini salah seorang pembekal kueh-kueh tradisional dan katanya bekalan tepung semakin berkurang, apatah lagi ada peniaga yang menjualnya pada kadar lebih tinggi walaupun Ianya barang kawalan.

Kemudian kita dengar pula isu kenaikan harga ikan. Belum reda lagi isu kartel ayam, dan bekalan yang tidak cukup selain harga ayam 'kayangan', harga ikan di pasaran dikatakan semakin meningkat. Apakah ada kartel ikan di sebalik semua ini?

Ya tanpa menafikan kewujudan sindiket monopoli pembekalan barangan basah dan keperluan semasa dalam rantaian perkhidmatan bekalan makanan, kewujudan kartel ini seperti dalam isu kartel ayam mungkin banyak mengganggu usaha menstabilkan harga dan bekalan.

Namun tidak boleh diketepikan isu peningkatan harga makanan atau dedak ayam, kos lain-lain dan faktor cuaca yang menyumbang kepada kemelut isu ini. Sementara sikap kartel yang merancang pembekuan bekalan juga memberi kesan besar kepada kemelut bekalan dan harga ayam ketika ini.

Akhirnya rakyat yang menerima tamparan hebat apabila mereka sebagai *'end user's'* berdepan semua himpitan dimana ketiadaan bekalan ayam, harga tinggi menjejaskan antara sumber makanan.

Ada yang menyebut, tiada ayam Ikan boleh dimakan, namun dalam perkembagaan terkini, harga Ikan juga dikatakan meningkat ketika ini di kawasan bandar khasnya di Lembah Klang.

Dalam satu laporan akhbar tempatan menyebut, kenaikan harga ikan sehingga 15 peratus selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri menyebabkan peniaga dan pembeli resah.

Malah bagi peniaga selepas kebaikan harga ayam menjejaskan jualan mereka, ketika ini isu harga Ikan pula meresahkan. Ratarata dalam kalangan mereka bimbang kenaikan ini didorong dengan kenaikan harga barangan lain di pasaran menjejaskan perniagaan mereka khasnya pengusaha restoran dan kedai makan.

Selain memberi kesan kepada pelanggan, peniaga juga terpaksa menampung kos modal yang semakin tinggi dengan risiko kerugian lebih besar andai pelanggan tidak lagi datang membeli di kedai mereka kerana peningkatan harga.

Tidak cukup dengan itu, isu stok tepung di pasaran kini sedang membelenggu peniaga. Keadaan ini agak merimaskan semua pihak.

Amatlah diharapkan agar kerajaan khasnya pihak kementerian yang terbabit selain menyiasat dan mengatasi isu kartel, kerajaan juga perlu melihat kesemua aspek termasuk peningkatan kos lain yang menyumbang sama kepada situasi ini.



**Belum reda lagi isu kartel ayam, dan bekalan yang tidak cukup selain harga ayam 'kayangan', harga ikan di pasaran dikatakan semakin meningkat.**

# Mansuh AP mampu hapus kartel

**KUALA LUMPUR:** Keputusan kerajaan memansuhkan permit import (AP) bahan makanan adalah langkah strategik jangka pendek, namun ia perlu disusuli dengan langkah lebih konkrit dalam jangka panjang dan sederhana.

Pakar ekonomi, Profesor Emeritus Dr Barjoyai Bardai, berkata kesan daripada aktiviti pengimportan boleh menyebabkan penyusutan nilai ringgit yang pada akhirnya akan mengakibatkan peningkatan semula harga barang.

"Inisiatif yang boleh diambil kerajaan ialah melaksanakan program penggantian import bagi mengatasi masalah itu maka, kita perlu segera memulakan projek perintis, misalnya menanam sayur.

"Kita boleh menggalakkan penggunaan ayam kampung kerana ia juga tidak memerlukan pengimportan barang makanan misalnya," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Beliau turut menekankan konsep keselamatan makanan untuk jangka masa panjang.

"Kita perlu mempunyai matlamat untuk mempunyai industri pertanian yang membekalkan barangan makanan mencukupi bagi keperluan asas seperti beras, minyak masak, sayur-sayuran, buah-buahan dan protein.

"Jika ini dapat dilakukan, dalam jangka panjang, kita akan dapat menyelesaikan masalah ini kerana kebanyakan tekanan harga kini adalah terhadap barang makanan asas," katanya.

Jelas beliau, pemansuhan AP bagi bahan makanan secara tidak langsung akan dapat menghapuskan aktiviti kartel di Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | RENCANA | H21 |

# Kalau 'bela hantu raya', rakyat akan kebuluran


Harga barangan mahal dan semakin mahal, naik, naik, naik tak pernah turun-turun atau ada pengecualian.

Oleh **NAZMAN CHE IBERAHIM**
Darulnaim Research Centre

PAKAR Ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai berkata, lambakan penawaran bahan makanan dalam pasaran bukanlah sesuatu yang negatif memandangkan ia sememangnya perkara diperlukan bagi menampung permintaan pengguna.

Ya, bahan makanan kita kena banyak tidak bermaksud membazir, tetapi memenuhi kecukupan dan dapat dimiliki setiap rakyat. Ini soal keperluan asasi harian untuk kelangsungan kehidupan yang fitrah dan bukannya kehendak atau pilihan. Bayangkan kita dari begitu mewah makanan hingga dibuang-buang, kini serba tak cukup.

Malangnya, di negara kita bahkan peringkat global juga, makanan asasi telah menjadi mangsa 'spekulasi' yang diambil kesempatan oleh sekelompok manusia durjana. Mereka pentingkan diri, hendak mengaut wang dengan banyak secara cepat dan gelojoh. Mereka jadikan makanan hingga tidak mampu dibeli orang ramai, ini barulah patut dikatakan membazir, semuanya mahu dikayangankan.

Benar, mereka itu di sektor perniagaan, tetapi maaf saya katakan, kian lama semakin melampau, melampau dan melampau. Dunia kita sudah cukup sengsara dengan perubahan iklim dunia, wabak penyakit, konflik politik dan peperangan, kini mereka pemegang pasaran pula cuba mencengkam.

Semua itu kerana nafsu dan sikap yang penuh tamak haloba. Kini semua kita dalam keadaan terancam gugat tidak cukup makanan kerana wujud kegiatan monopoli, menyorok, mengawal, memanipulasi dan pelbagai bentuk sabotaj lainnya alaala perangai Komunis. Langsung tidak ada belas kasihan.

Sedangkan sebahagian besar warga dunia bangun bergelut untuk bangkit semula memulihkan kehidupan.

## Kerajaan di pihak rakyat

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Dr Ustaz Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh menyuruh supaya 'permainan dan percaturan' harga dihentikan. Tanpa beliau menyebut secara spesifik kepada siapa ditujukan, ia sudah cukup mengisyaratkan satu peringatan dan amaran bahawa pihak kerajaan sedar segala helah pihak berkepentingan terbabit.

Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob pula setelah itu bersuara lebih tegas dengan mengisytiharkan perang hingga rakyat kembali mendapat bekalan yang terjamin cukup dan harga sesuai kos sara hidup.

Seperti dinyatakan Ketua Penerangan PAS, Senator Ir Ts Khairil Nizam Khirudin, inisiatif 'Jihad Memerangi Orang Tengah' diperkenalkan Ismail Sabri pada tahun 2014 dahulu mesti diperkasakan menjadi satu gerakan meluas yang didukung semua pihak.

Ahli Dewan Negara mewakili PAS itu menegaskan supaya dihapuskan semua pencatur bekalan dan harga tanpa mengira mereka itu dalang, jerung, sindiket, kartel atau apa sahaja namanya. Bidasnya, mereka inilah musang-musang yang bersembunyi di sebalik industri ternakan dan bekalan ayam.

Syukurlah sejak negara diterajui Kerajaan Perikatan Nasional pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin diikuti Kerajaan Keluarga Malaysia oleh Ismail, banyak kepentingan rakyat dijaga, didahulukan dan dilindungi. Tak kurang juga pelbagai inisiatif dan bantuan, skim-skim dan segala pakej rangsangan ekonomi untuk setiap lapis golongan.

## Kenali penindas rakyat

Semasa Pakatan Harapan (PH) memerintah negara selama 22 bulan, banyak peruntukan kepada rakyat dikurangkan dan dihapuskan. Rakyat kononnya dinasihat membuang 'mentaliti' bantuan dan subsidi. Malangnya senyap-senyap PH menjual banyak aset harta kepentingan rakyat dan negara.

PH juga melanjutkan pelbagai konsesi, sedang projek-projek ke arah kehidupan rakyat untuk kemudahan asas semasa dibatalkan. Itu tidak termasuk pelbagai perundangan cuba mereka ubah atau tandatangani untuk 'menjual negara' ini dan merobohkan struktur asalnya.

Kegiatan 'mendesak' keluar isi poket rakyat ini bukan kelicikan baru. Ia telah berleluasa sekian lama hatta dalam kerajaan apabila menggunakan mandat keputusan atau kelulusan tertentu untuk yang kaya menjadi semakin kaya, tapi rakyat tercekik! Banyak rancangan pembangunan diperkenalkan selain penswastaan dan pengkorporatan, tetapi rakyat kena bayar!

Mahal dan semakin mahal, naik, naik, naik tak pernah turun-turun atau ada pengecualian. Sekolah, hospital serta banyak perkhidmatan kerajaan yang lain kena bayar. Belum lagi kira cukai tanah, cukai pintu, cukai jalan, lesen itu dan ini. Satu kajian menyatakan, rakyat Malaysia kena bayar kepada kerajaan sekitar 20 peratus dari jumlah pendapatan setiap tahun.

## Bela hantu raya

Saya tertarik bila Senator Ir Ts Khairil Nizam persoal mengenai 'lembaga atau hantu raya' yang sukar diusir atau dihapuskan di mana mereka mungkin' dibela'. Ya, inilah gangsterisme yang wujud dan mencengkam manamana kerajaan berkepentingan mengatasi naungannya ke atas rakyat.

Bila tunduk kepada semua pihak-pihak yang berkepentingan peribadi, lalu rakyatlah yang menjadi mangsa. Kini zaman untuk menjaga golongan tersebut telah berakhir dan mereka mesti ditundukkan dari mengugut dan menggigit kerajaan. Pembelaan sebenar adalah kepada rakyat yang menjadi tanggungjawab terpenting kepada kerajaan.

Biarlah namanya kroni hatta keluarga atau 'sons' sekalipun, aset dan harta serta hasil kerajaan adalah milik rakyat. Jadi kenyangkan perut rakyat, bukannya buat mereka mungkin kebuluran!

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | HARAKAH | ENGLISH SECTION | E26 |


# Organic vegetable ripe for the plucking on 1Utama's rooftop

**KUALA LUMPUR** - Having a background in the food industry did not prevent entrepreneur Emil Jihad, 32, from venturing into organic farming.

More interestingly, his smart greenhouse cultivation uses an aquaponic system (a combination of fish and vegetable farming) on the roof of shopping mall 1 Utama) in Petaling Jaya, Selangor which covers an area of about 7,000 square feet.

Apart from this, the vegetable garden called Fresh Growcer (1 Utama Rooftop Farm) provides an experience for customers as they can self-pick the produce.

Recently, Emil told Bernama that since he and partner Tony Yong, 52, began this venture in March, they practiced the concept of sustainable agriculture to produce crops that are safer to consume.

He said the use of pesticides on vegetable cultivation is feared to be harmful to health and that although many vegetables sold in the market are said to be free of pesticides, some still doubt this.

"Here (at Growcer), customers can come and see for themselves that the water system used for crops is shared with fish farms and the fish waste provides a natural source of organic food for vegetables.

"If pesticides or chemical fertilisers are used, the fish will die and this will decrease the nutrients to the vegetables cultivated," he said, adding that the greenhouse also maximises savings such as with the use of 100 per cent sunlight, and exhaust fans for ventilation.

Emil said they chose the mall's rooftop for their vegetable garden because the shopping centre was strategically located and this makes it easier for urbanites to get a supply of fresh vegetables quickly as well as experience the garden environment more closely.



He admitted that there were challenges in organic vegetable cultivation as organic crops require more care than conventional crops and he needs to ensure supply to continuously meet customer demand.

"The average growth rate of vegetables to reach maturity is 35 days. Until today we are able to meet the demand for vegetables, and the vegetables of choice will be given priority in terms of the number of crops compared to other vegetables," he said.

Emil, who had lived in New York and returned to Malaysia about five years ago, said he grows a variety of vegetables including red spinach, different types of mustard leaves, Italian basil and cili padi, in addition to rearing tilapia fish, and selling organic fruits that are brought from villages.

He hopes to increase the type of vegetables from what is being offered now, and wants to make it a reference centre for institutions as well as students who are interested in learning physically about organic farming efforts done here.

Meanwhile, customer Nazli Idrus, 40, from Taman Tun Dr Ismail said he learnt about the organic farm through friends on social media.

"Although the vegetables sold here are at slightly premium prices, they are worth it because we can pluck the vegetables ourselves and I believe they are healthier for us and the environment as they are free from any chemicals," he added.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/5/2022 | THE STAR | NATION | 6 |


# Even the traders are complaining

## Soaring prices and fewer customers a bane

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Young people hardly cook – that is the only explanation fishmonger Vincent Khoo offers for the drop in demand for his fish.

Back when people were forced to stay home to keep Covid-19 at bay, Khoo, 34, said many came to get choice cuts for their culinary exploits in the kitchen.

Now that daily life is almost back to normal, he observes that fewer young customers are doing their marketing.

"They are going back to eating out since they are not staying home so much, I guess," he said.

But Khoo said he would advise consumers to maintain the practice of cooking at home if they want to enjoy good quality fish without paying high prices at eateries.

With the soaring price of fish feed, caused by the war in Ukraine and global shortages, he said he had no choice but to raise his prices substantially.

His stall in Batu Lanchang market sells only premium saltwater fish reared in floating cages at sea, such as red snapper and dragon-tiger grouper.

"I used to sell red snapper at RM26 to RM30 per kilo but I now have to sell it for RM48.

"I have tried not to sell it, but since there is demand, I bring in a few at a time," he said yesterday.

Since the dragon-tiger grouper is already a premium fish, usually selling at close to RM70 per kilo in most markets, Khoo said its price had not gone up by much.

Other traders in Batu Lanchang market are also griping about rising prices.

S. Gayathiri, 29, who sells vegetables, has to explain to almost every customer about the higher prices.

Malaysia imports almost all the components for making fish feed and fertilisers, and the prices of many of these ingredients are now at record highs.

"Prices suddenly increased by quite a bit, even in the last few days.

"The most shocking of all is the price of choy sum (sawi), which used to be one of the cheaper vegetables.

"It used to be RM5 per kilo from the wholesaler, but now I can only buy at RM7 per kilo. This means I have to sell it at RM9 per kilo," she grumbled.

Her other concern is the price of cucumbers, another formerly cheap option, which she used to sell at RM4.50/kg but had to sell at RM6.50/kg recently.

At Chowrasta market, chicken trader Mohamed Junaidhu Shahul, 55, said it was a daily struggle now to find enough poultry to meet demand.

"When I order 300 chickens, my suppliers can only send 100.

"They tell me if I want live chicken, there is plenty but the local council does not allow us to slaughter chickens at the market.

"If we traders are allowed to slaughter chickens at the market or designated places, the demand can be met," he said.

Since last year, chicken sellers statewide have not been allowed to slaughter chickens at wet markets, a move to improve hygiene and cut down on pollution caused by the blood and other waste matter flowing unchecked into the sea.

Six chicken slaughterhouses were approved in 2020 to do it and the birds are sent chilled to retailers.




**Everything's up:** Gayathiri showing the prices of vegetables at her stall in Batu Lanchang, George Town. — LIM BENG TATT/The Star